# Pelita Brunei

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 24 BILANGAN 37 | RABU 12HB SEPTEMBER, 1979. | 1399 رابو 19 شوال | PERCHUMA

## PUPOK PERSEFAHAMAN DAN PERGAULAN MESRA DGN ANAK2 KAMPONG

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah mengingatkan dalam titah Baginda kapada penghulu2 dan ketua2 kampong untok sentiasa memupok persefahaman dan pergaulan mesra dengan anak buah masing2 bagi mengetahui kemushkilan dan kesusahan mereka.

Baginda bertitah jika difikirkan kemushkilan dan kesusahan itu patut mendapat perhatian dari pehak Kerajaan Baginda ia-nya harus-lah di-kemukakan kapada Pegawai Daerah masing2 untok di-ambil tindakan yang sa-wajar-nya.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah betitah demikian di-majlis keshukoran meraikan Hari Keputeraan Baginda yang ke-33 tahun di-Dewan Persantapan Lapau di-sini malam Ahad 9hb September yang baru lalu yang di-sembahkan oleh Penghulu2 dan Ketua2 Kampong Daerah Brunei dan Muara.

Ini, titah Baginda ia-lah kerana memandangkan negara kita dengan izin Allah s.w.t. jua akan menchapai kemerdekaan dan kedaulatan sa-penoh-nya pada penghujong tahun 1983 nanti.

Ka-arah kemerdekaan itu juga titah Baginda lagi, penghulu2, ketua2 kampong dan manteri2 pendalaman mempunyai peranan dan kewajipan yang penting kerana mereka merupakan saloran yang menghubongkan di-antara anak2 buah kampong dengan Kerajaan Baginda.

Baginda merasa yakin dengan wujud-nya hubongan mesra dan muafakat antara dua pehak itu dengan izin Allah sa-sebuah kampong itu akan sentiasa dalam aman dan pendudoknya akan dapat hidup gembira lagi berbahagia.

"Ini-lah yang Beta hajati dari penghulu2 dan ketua2 kampong sekalian ia-itu mereka hendak-lah bertindak selaku saloran di-antara kerajaan Beta dengan raayat khusus-nya anak2 buah kampong mereka masing2 juga manteri2 pendalaman di-kampong mereka. Beta yakin bahawa peranan ini sa-memang-nya di-sedari oleh penghulu2 dan ketua2 kampong", titah Baginda.

Keberangkatan tiba Baginda Yang Dipertuan ka-majlis malam itu berserta lain2 kerabat Diraja telah di-sambut oleh Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara Awg Haji Yahya Hj Harris dan di-hadhiri sama oleh pembesar2 negara dan lain2 pegawai2 kanan kerajaan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia sedang di-ziarahi oleh penghulu2 dan ketua2 kampong ketika keberangkatan Baginda ka-majlis tersebut.

## AZAM PENGHULU2 DAN KETUA2 KAMPONG UNTOK SAMA2 MEMBANTING TULANG

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awg Haji Yahya bin Haji Harris, Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara menyembahkan ka-hadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia azam penghulu2 dan ketua2 kampong untok sama2 membanting tulang dengan anak buah kampong masing2 pada mendukong niat suchi Baginda yang mengkehendaki kualiti sa-bagai tulang belakang utama menerajukan negara ka-arah perkara2 yang di-redhai Allah.

Awg Haji Yahya ketika berdatang sembah demikian, juga menekankan dengan tekad yang bulat, yang tegoh dan tidak akan roboh dari sa-barang landaan yang bersifat mungkar berikrar membaharui taat setia penghulu2 dan ketua2 kampong Daerah Brunei Muara kapada Baginda.

"Insha Allah, sa-lagi hayat di-kandong badan dan sa-lagi tenaga dapat di-ungkayahkan, abis Hamba Duli Tuan Patek akan terus sama2 mengayohkan bahtera Brunei Darussalam ini pada menuju haluan2 dan tambing2 perhentian yang di-redhai oleh Allah" sembah Awg Haji Yahya.

Sembah tersebut di-lafadzkan oleh Awg Hj Yahya di-majlis keshukoran Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang ke-33 tahun yang di-adakan di-Dewan Persantapan Lapau malam Ahad lepas oleh penghulu2 dan ketua2 kampong Daerah Brunei dan Muara.

Dalam majlis tersebut Awg Haji Yahya sa-terusnya mensifatkan keberangkatan Baginda sa-bagai besar erti-nya kapada penghulu dan ketua2 kampong yang di-amanahkan bagi menumpukan segala usaha dan tenaga mereka yang berkebajikan untok mengukohkan keadaan aman dan semangat suka berkerja serta pemadulian sa-sama anak buah masing2.

Untok itu Awg Hj Yahya menekankan penghulu2 dan ketua2 kampong akan sama2 mematai-matai anak

Lihat muka 20

## Harapan untok mileki yang berilmu dan beriman

BANDAR SERI BEGAWAN.—Pertumbohan pesat penuntut2 Brunei yang di-hantar ka-seberang laut di-anggap sa-bagai suatu kesuboran yang menimbulkan harapan yang Brunei akan mempunyai pemuda-pemudi yang berilmu dan beriman.

Kedudokan ini akan menjadikan Brunei memileki lebeh ramai lagi pemimpin2 yang di-harapkan untok membawa negeri ini ka-arah kemajuan yang di-chita-chitakan yang bukan saja kerana ilmu mereka itu tetapi dengan kekuatan iman yang di-mileki oleh mereka.

Ini-lah gambaran2 yang dapat di-saloki oleh Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain terhadap kursus sivik ke-IV bagi penuntut2 seberang laut yang di-tutop rasmi olehnya baru2 ini.

Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama itu yakin bahawa penuntut2 Brunei yang sedang belajar di-pusat2 pengajian tinggi sekarang ini mempunyai semangat yang bergelora dan chita2 yang tinggi untok menchapai taraf kemajuan dalam bidang ilmu pengetahuan hingga ka-peringkat yang lebeh tinggi.

Menurut-nya, chita2 dan harapan itu timbul bukan saja kerana melihat rakan2 yang pulang dengan berba-

Lihat muka 20



YB Pehin Orang Kaya Ratna Diraja menyampaikan sijil penyertaan kapada salah sa-orang peserta kursus.

### Manis-nya Iman

TIGA hari sa-belum Rasulullah s.a.w. wafat, Baginda ada bersabda, "Jangan-lah sa-orang pun di-antara kamu mati melainkan dia menaroh sangkaan baik terhadap Allah". — HADITH Nabi riwayat Muslim daripada Jaber bin Abdullah.

### Awasi anak Awda

BANDAR SERI BEGAWAN.—Pehak pulis telah mengingatkan kapada orang ramai terutama sa-kali pendudok2 di-kampong ayer supaya sentiasa berwaspada dan mengawasi anak2 mereka dari bermain-main di-luar halaman rumah.

Pehak pulis membuat ingatan itu berikutan dengan kematian tiga orang kanak2 dari kampong2 yang berasingan pada minggu lalu.

Oleh itu ada-lah di-harapkan kapada ibu-bapa supaya sentiasa berjaga-jaga demi untok mengelakkan bilangan kematian kanak-kanak di-kampong ayer yang berterusan.

Kanak-kanak yang telah mati lemas itu ia-lah Awg Yusri bin Yusof berusia dua tahun berasal dari Kampong Sungai Pandan, Awang Sahrin bin Abd Ghani berumor dua tahun berasal dari Kampong Pandai Besi B dan Dayang Susailawati bte Hamid dari Kampong Lurong Dalam.

Pelita Brunei
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

12HB SEPTEMBER, 1979

بسم الله الرحمن الرحيم

## SEMOGA-LAH PENUNTUT2 TIDAK AKAN MENGHAMPAKAN HARAPAN NEGARA

TAHUN 1979, tahun pertama dari lima tahun ka-target kemerdekaan, merupakan tahun penghantaran penuntut2 Brunei ka-seberang laut yang teramai sa-kali. Di-United Kingdom sahaja, jumlah penuntut2 Brunei yang menuntut di-beberapa pusat pengajian di-sana kini hampir sa-ribu orang.

Berlaku-nya perkembangan pesat di-bidang penghantaran penuntut2 ka-seberang laut ini ada-lah sa-mata-mata bagi keperluan2 pada membanyakkan lagi tenaga2 anak Brunei yang terlateh, yang berkelulusan, yang mahir serta berpengalaman baik dalam mengisi dan menuju ka-arah kemerdekaan yang sa-penoh-nya lagi tulin.

Perkembangan ini, menurut Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, ketika merasmikan Kursus Sivik Penuntut2 Seberang Laut, yang baru lalu, ada-lah satu kenyataan dari dasar Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untok terus-menerus membanyakkan penghantaran penuntut2 ka-seberang laut samada melalui dermasiswa biasa mahupun dermasiswa latehan dalam perkhidmatan.

Bagaimana pun, menurut Yang Berhormat lagi, peratus keputusan yang di-perolehi oleh mereka itu maseh jauh dari apa yang di-harap-harapkan, maseh nampak tikas-nya di-antara bilangan penuntut2 yang di-hantar dengan bilangan yang balek dengan kelulusan yang di-hajatkan.

Sa-lain dari mengharapkan supaya penuntut2 yang di-hantar ka-seberang laut itu belajar bersunggoh-sunggoh, mendampingkan diri dengan Ugama Islam yang maha suchi dan memileh kursus yang sesuai dengan kepentingan negara; Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan itu juga menarek perhatian penuntut2 itu supaya bersedia menchurahkan jasa kapada kepentingan negara — biar-lah ilmu pengetahuan yang di-tuntut itu, sa-chara langsong akan dapat menambah tenaga yang bersama-sama berkechimpong pada menentukan chorak hidup kita hari ini dan pada menyediakan lurah untok kehidupan generasi kita di-masa yang akan datang.

Dan dari pemedulian2 yang di-lakukan oleh indung-bapa dan kerajaan itu tadi, ada-lah di-harapkan supaya penuntut2 yang di-hantar ka-seberang laut itu tidak akan mensia-siakan atau menghampakan harapan indung-bapa, kerajaan dan negara atau tegas-nya harapan2 itu tidak akan menjadi asa-asaan.

Dalam pada itu, kita juga bersama-sama Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, menguchapkan tahniah dan penghargaan kapada penuntut2 yang di-hantar ka-seberang laut yang telah balek dengan menchapai segala kejayaan.

# Pegawai2 perubatan utk rombongan haji 1979

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berkenan melantek sa-ramai 12 orang pegawai perubatan yang akan memberikan perkhidmatan hal-ehwal perubatan kapada bakal2 haji bagi tahun 1979.

Mereka yang telah di-lantek itu terdiri dari dua orang doktor, dua orang pembantu rumah sakit, dua orang jururawat, dua orang atenden dan dua orang amah serta sa-orang penyelia jururawat dan ketua jururawat.

Mereka yang di-lantek ia-lah Dr. Shah Mohd Fazle Alam, Dr. Saleha bte Begum, Matron Dayang Rokiah bte Haji Zakiah, Awang Basuni bin Jaafar, Awang Abu bin Haji Seruddin, Dayang Taibah bte Pehin Datu Perkerma Dewa Haji Abd. Rahim, Awang Sabtu bin Ali, Dayang Rosni bte Dato Paduka Haji Hamidon, Awang Moktar bin Ibrahim, Awang Mohammad bin Abdullah, Dayang Halimah bte Haji Budin dan Dayang Damit bte Haji Naim.



## PERKAMPONGAN PUISI ASTRAWANI

BANDAR SERI BEGAWAN — Persatuan Astrawani Brunei akan menganjorkan PERKAMPONGAN PUISI buat pertama kali-nya di-negeri ini pada hari Sabtu, 29hb. September ini bertempat di-Pantai Muara.

Perkampongan itu yang akan bermula jam 8.30 pagi akan berjalan sa-hari suntok dengan thema KA-ARAH MENGHAYATI PUISI dan bertujuan untok menyatu-padukan penulis2 tempatan.

Ia-nya akan di-sulami dengan achara deklamasi sajak, Diang Dangan, Dondang (berbalas pantun), Puisirama dan Pentomen (bentok puisi). Di-samping itu Perkampongan itu juga akan mengadakan peraduan membacha shaer yang terbuka untok penuntut2 sekolah menengah dan persatuan2 belia.

Penuntut2 dan ahli2 persatuan belia yang ingin menyertai peraduan tersebut boleh-lah mendapatkan borang penyertaan dari Setia Usaha Perkampongan di-Dewan Bahasa dan Pustaka dari sekarang.

Pemenang2 dalam peraduan itu akan menerima hadiah wang tunai $100.00 bagi pemenang pertama, $75.00 pemenang kedua, $50.00 bagi pemenang ketiga dan hadiah saguhati bagi peserta yang mengambil bahagian.

Awg. Mahmud bin Haji Bakyr, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka di-jangka akan merasmikan perkampongan tersebut.

## KETETAPAN HARGA KERETA DAIHATSU

ADA-LAH di-maalomkan kapada orang ramai khas-nya pembeli2 di-negeri ini bahawa Pengawal Harga dengan sukachita-nya telah bersetuju menurunkan harga2 kereta jenis Daihatsu baru2 ini dari GOH HOCK KEE MOTORS dengan susunan harga saperti berikut di-bawah ini :—

| JENIS KERETA (Type of Cars) | HARGA JUALAN (Showroom Selling Price) | | HARGA JUALAN PENOH (Selling Price On The Road) | |
|---|---|---|---|---|
| | LAMA (Old) | BARU (New) | LAMA (Old) | BARU (New) |
| DAIHATSU CHARADE Model : G10R-GKR(XO)1,000 c.c. Blower and Front Safety Belt | $ 8,281.00 | $ 7,700.00 | $ 8,620.00 | $ 8,050.00 |
| DAIHATSU CHARADE G10R-GKD(XG) 1,000 c.c. Radio, Blower and Front and Back Safety Belts | $ 8,661.00 | $ 8,100.00 | $ 9,000.00 | $ 8,450.00 |
| DAIHATSU CHARADE 1,000 c.c. (XTE) Model : G10R-GKG Radio, Clock, Blower, Disc. Brake, Front and Back Safety Belts | $ 9,151.00 | $ 8,600.00 | $ 9,921.00 | $ 8,967.00 |
| DAIHATSU 1200 CUSTOM SEDAN Model : A10RKL Radio, Clock, Air-Blower and Safety Belts | $10,959.00 | $10,200.00 | $11,364.00 | $10,600.00 |
| DAIHATSU SEDAN HI-CUSTOM Model : A20RKG (1400 c.c.) Radio, Clock, Blower, Console Box and Safety Belts | $11,360.00 | $10,900.00 | $11,789.50 | $11,330.00 |
| DAIHATSU JEEP CANVAS TOP Model : F20LK | $14,641.00 | $13,500.00 | $15,140.00 | $13,990.00 |
| DAIHATSU JEEP HARD TOP Model : F20V (1,600 c.c.) | $15,379.00 | $14,810.00 | $15,878.50 | $15,309.00 |

Orang ramai boleh-lah melihat jadual harga2 kereta yang telah di-persetujui yang telah di-chap dan di-tanda tangani oleh pehak berkuasa Pengawal Harga. Mana2 jadual harga2 kereta yang di-tunjokkan di-setiap buah kereta yang ada di-bilek pameran (showroom) tidak mempunyai chap dan tanda tangan dari pehak yang berkuasa Pengawal Harga ada-lah tidak sah. Dan orang ramai ada-lah di-harap memberikan kerjasama atau melaporkan kapada pehak yang berkenaan, talipon nombor 25555, Yunit Peranchang Ekonomi, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, mana2 ajen penjual kereta yang telah menyalah gunakan jadual harga2 kereta yang telah di-tetapkan itu.

# Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 6hb September, 1979.

1. BAWANG PUTEH — $3.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut :—
   d) Ming Thai Company, No. 32, Jalan Sultan, Bandar Seri Begawan.
2. SAYOR KINCHAM — $2.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Hen Loong, No. 31, Jalan Sultan, Bandar Seri Begawan.
3. GARAM HALUS (Chap Play Basketball) — 50 sa-kotak boleh di-beli dari kedai berikut :—
   A. Muthian, No. 9, Jalan McArthur, Bandar Seri Begawan.

**KUALA BELAIT :**

1. BAWANG PUTEH — $3.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut :—
   a) Choo Seng, No. 20, Jalan Pretty, Kuala Belait.
2. SAYOR KINCHAM — $2.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut :—
   a) Yick Yuen, No. 3, Jalan Pretty, Kuala Belait.
   b) Kok Kee, No. 60, Jalan Pretty, Kuala Belait.
3. GARAM HALUS (Chap Play Basketball) — 50 sa-kotak boleh di-beli dari kedai berikut :—
   Kok Kee, No. 60, Jalan Pretty, Kuala Belait.

**SERIA**

1. BAWANG PUTEH — $3.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut :—
   Chop Kim Huat, No. 53, Jalan Bunga Kuning.
2. SAYOR KINCHAM — $2.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut :—
   a) Chop Kun Mee, No. 6, Jalan Sultan Omar Ali, Seria.
   b) Chop Yick Ho, No. 7, Jalan Sultan Omar Ali, Seria.
3. GARAM HALUS (Chap Play Basketball) — 55 sa-kotak boleh di-beli dari kedai berikut :—
   Chop Kun Mee, No. 6, Jalan Sultan Omar Ali, Seria.

# AGRICULTURE DIRECTOR RETIRES



BANDAR SERI BEGAWAN. — The Director of Agriculture, Awang Robin Brian Dickwoodroofe returned to the United Kingdom last Wednesday.

He has retired from the Brunei civil service after being with the Brunei Government for approximately 7 years.

Arriving in Brunei in 1972, he joined the Agriculture Dept as Director.

At present, his deputy, Dato Paduka Awang Hamid bin Jaafar, becomes the department's new head, whereas Awang Daniel bin Haji Hanafiah takes over as Deputy Director.

Picture right shows Awg Dickwoodroofe talking to Dato Paduka Awg Hamid at the airport. Standing in the middle, is Awg Daniel.

# Police Craft Named

MUARA. — A ceremony was held last week at the marine police base in Muara to name a new craft of the Royal Brunei Police Force.

The latest addition to the naval fleet of the RBPF was named the PDB-07 Bahagia.

The wife of the Commissioner of Police, Pengiran Datin Salmah binte Pengiran Haji Ismail officially opened the ceremony which commenced with a speech by the Police Commissioner.

The craft, equipped with two diesel engines and radar, is able to carry a troop of 30 men and a transport vehicle.

It also can be used as a mobile police station.

## SHELL AWARDS BURSARIES

SERIA. — The Acting Managing Director of the Brunei Shell Company Limited, Awang Peter Topper, last Thursday handed over a cheque for twenty thousand dollars for the use of bursaries for Brunei students to the Acting Deputy Director of Education, Awang Ali Hashim bin Haji Daud.

The ceremony took place at the Company's Head Office here.

The Company has announced the award of nineteen new Shell bursaries for students in the award of nineteen new Shell bursaries for students in the State.

Five will be Higher School Certificate bursaries, while the remainder will be for the Brunei Certificate of Education.

Apart from awarding bursaries, the Brunei Shell also offers scholarships through the Government's Scholarship Committee to enable students to further their studies overseas.

In addition to these awards, five Higher School Certificate and sixteen Brunei Certificate of Education bursaries were also renewed.

## CIVIC COURSE ENDS

BANDAR SERI BEGAWAN. — The six-day civic course attended by the Brunei students studying in the United Kingdom ended last Thursday evening.

The course was jointly conducted by the Information Section, State Secretariat, the Education Dept and the Religious Affairs Dept.

The closing ceremony was officiated by the State Religious Affairs Officer, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Seri Utama Haji Mohd Zain bin Haji Serudin at the Youth Centre here.

On Wednesday, the students heard a talk by an officer from the Legal Dept., Awang Abas bin Hj Serudin on Brunei's agreement of friendship and cooperation with the United Kingdom.

They also visited the Sutan Hassanal Bolkiah Teachers Training College and the Seri Begawan Religious Teachers Training College.

Last week, they met with the General Advisor to H.H. the Sultan, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Awang Isa and his wife at the youth Centre for informal discussions.

## Shell Youth Soccer Competition

SERIA. — The Brunei Shell Petroleum Company Limited will be holding a new annual football competition throughout the State in co-operation with the Brunei Amateur Foot ball Association.

The Company in a state ment announced last week that the contest would be known as the Brunei Shell Inter-District Youth Soccer Competition and would on September 16. And the finals would be played by the end of October.

A total of 27 matches will be competed.

Each district will be allowed to send two teams with players' ages between 16 and 20.

The first match will be played on September 16 at 4.30 pm between Brunei A team and Kuala Belait A team at Kuala Belait Padang.

In order to commemorate the event, the winning team and each of its players will receive a handsome silver cup and a medallion respectively.

## Blood donations

BANDAR SERI BEGAWAN. — The State Blood Bank has thus far collected more than a thousand pints of blood from the public this year.

The latest donation was from the students of the Sultan Saiful Rizal School of Building in Jalan Muara.

They donated their precious blood last week.

Later, the State Blood Bank received 41 pints of blood from members of the First Flotilla in Muara.

Members of the public are welcome to donate their blood.

## Clean-up campaign

BANDAR SERI BEGAWAN. — A big scale of clean-up campaign will be launched in the Brunei/Muara District in October.

It is part of the Health week.

The theme of the campaign will be "Do Not Be A Litter-bug".

Volunteers from youth and welfare organisations as well as government offices will take part in the drive.

For the first few days, the campaign will centre on a clean-up of Bandar Seri Begawan and Jalan Tutong.

Then the drive will move to villages, shopping and industrial areas outside the town. Beaches and rivers will also be included.

The organisers hope that by the time the clean-up ends, they will be able to instil the ideas of the need for a clean and healthy environment into the mind of the public.



## Muara Town Celebrations

MUARA. — Five-day celebrations were held in Muara Town to commemorate H.H. the Sultan's birthday.

The celebrations began on Friday.

The programmes commenced with a domestic science exhibition at the SUAS Malay School on the same day.

On Saturday, there was a stage show followed by a lantern procession around the town in the evening.

The highlight of the celebrations was the beach festival which was held on Sunday.

And then there were two days of religious programmes at the mosque in the town.

## Delegation for Thailand

BANDAR SERI BEGAWAN. — A Brunei trade delegation left for Bangkok on Friday for a visit.

About 40 members of the Chinese and the Malay Chambers of Commerce are now in the northern part of Thailand, Chieng Mai, which is a Summer resort.

In Bangkok, they called on the ministers for commerce and industry and talks with Thai businessmen on bilateral trade.

They are expected to return home on Saturday.

## BINTULU WOMEN VISIT BRUNEI

BANDAR SERI BEGAWAN. — About 20 members of the Bintulu Women Institute last week paid a friendly visit to Brunei.

Led by Dayang Fatimah bte Munir, they were the guests of the Brunei W.I.

Their visit was aimed at improving the relations between the two organisations and to see for themselves the rapid development and achievement attained in Brunei.

Places of interest visited by them included the Dewan Majlis (See the left picture), the Museum, the Churchill Memorial, and the Kampong Ayer.

They also attended a reception at the residence of the Chairman of the Brunei W.I., Datin Hajjah Zaharah bte Haji Idris and another luncheon party at the house of the Penghulu Mukim Burong Pinggai, Kg Ayer, Awang Haji Abu Bakar bin Hashim.

Before returning home on Saturday, they also paid a visit to the Arts and Handicrafts Training Centre at Berakas.

They were much impressed by the works displayed in the Centre.

## Birthday Celebrations

MUARA. — A lantern procession around the Muara Town was held last Saturday evening to commemorate H.H. the Sultan's birthday.

On Sunday, a colourful festival was also held at the Muara Beach.

Also as part of the celebrations, residents and the Youth Association of Kampong Lumapas in the Brunei/Muara District will hold a three-day celebrations starting on Friday.

One of the programmes a cross country race — is also open to residents in the nearby areas.

Those who intend to participate in the race can contact the Organising Committee.

المؤتمر الاسلامي الآسيوي الأول

**oleh2 dari**
# PERSIDANGAN ISLAM ASIA YANG PERTAMA

OLEH:



HJ. ABD AZIZ JUNED

# FREEMASONRY MEMAINKAN PERANAN BESAR DALAM MENEGAKKAN GERAKAN KOMUNIS

**(Siri ke-46)**

■ الصفحة الثامنة ■ ١٤ صفر ١٣٩٨ هـ ■ اخبار العالم الاسلامى ■

**الماسونية تلعب دورًا خطيرًا فى دعم الحركة الشيوعية**
**وكانت وراء الحربين العالميتين الأولى والثانية**
**• من منجزات الماسونية تقويض الخلافة الاسلامية وتجزئتها إلى دويلات**

SAYA teruskan lagi memetek tulisan Al-Ustaz Muhammad Safwat As-Saqa Amini. Kali ini, dalam siri-nya yang kelima, dengan ta jok saperti di-atas, bahawa beliau telah merumuskan dari sejarah, bahawa Freemasonry yang membangkitkan pemberontakan Peranchis dalam tahun 1789 itu, sekarang bangun pula untok meniupkan revolusi Marxism. Ahli2 Freemason menjadikan diri mereka berkewajipan sama2 kaum pekerja. Kerana pertubohan ini sa-benar-nya memileki daya kekuatan berfikir dan keupayaan meranchang, sementara kaum pekerja yang amat ramai bilangan-nya pula, mereka memileki kekuatan mengempor. Dan manakala terkumpol kedua-dua kekuatan ini kelak, melahirkan kegonchangan2 dalam masharakat.

Perlu di-sedari, bahawa Komunism lahir dari *"dendam kesumat"* yang di-warithi sejak lama. Ia menchari korban dari mana atau sa-siapa jua yang mungkin. Tetapi semua itu sa-belum ia berjaya menchapai objektif2-nya yang *haram* itu, teori Karl Marx lebeh dahulu perlu di-gubal dan di-beri *warna-warni* saperti bunga2 api yang indah, dan segala orang2 lemah, orang2 miskin dan melarat yang terdiri dari kaum pekerja pada lazim-nya, ia-lah ibarat anak2 pemuja warna-warni atau bunga api itu. Mereka di-berikan janji2 untok di-bayar manakala nafsu mereka terpenohi. Sasaran mereka yang utama dan besar ia-lah satu: *ORANG SENANG DAN MEWAH.* Ya, memang-lah mudah menghasut orang lapar untok memusohi orang yang kenyang.

Dari konsep dendam kesumat, teori2 ekonomi yang indah2, tetapi tidak pernah terlaksana. Benar, mereka berjaya dalam penggembelingan ekonomi, dalam bidang kebendaan dan teknoloji. Tetapi apakah itu jawapan kapada *salah atau benar-nya* teori komunis? Saya fikir, ia tidak ada kena mengena langsong dalam perkara ini. Sebab bagi orang komunis, Kapitalism itu adalah dosa besar, suatu jenayah yang tidak boleh sama sa-kali di-ampunkan, tetapi banyak juga negara maju yang membangun bukan dengan Komunism. Kejayaan dalam satu2 segi atau lapangan itu belum bermakna kejayaan dalam semua aspek kehidupan. Kadang2 satu teori berjaya membikin kilang dan roket, *TETAPI GAGAL MEMBINA MANUSIA.*

Saya tidak nampak Marxism itu satu tanggapan falsafah yang gemilang, hatta sa-kadar teori kebendaan sa-kali pun. Tetapi yang jelas Marxism itu membawa bahaya demi bahaya kapada manusia, dan bahkan akan terus menyebarkan-nya lantaran ajaran-nya melanjutkan pertelagahan *KELAS* dalam masharakat. *Pertelagahan kelas* itu tidak sahaja antara feudalis dan kaum tani, tidak juga antara kapitalis dan buroh, malah pertelagahan itu akan merebak saperti api yang di-umpan dengan perchekan2 minyak. Tegas-nya pertelagahan itu akan kekal dan membentok diri-nya menjadi satu LOJIK dan AJARAN yang tidak dapat di-lunakkan lagi, ia akan menjadi pemikiran atau falsafah yang mengongkong seluroh masharakat di-mana sa-tiap orang *bawahan* itu akan menganggap musoh orang2 di-atas-nya. Orang2 rendah akan memandang dengan penoh dendam dan iri hati kapada orang2 atasan serta berusaha untok menjatohkan-nya dan merampas segala hak-nya. Dan pada masa itu, tidak ada lagi ORANG HEBAT yang patut di-besarkan.

Di-sini-lah letak-nya kechachatan Komunism. Mula2 konon-nya ia menganggap *"hukum pertelagahan kelas"* itu sa-bagai undang2 yang terunggol dan saintifik, tetapi mereka tidak sedar yang naluri manusia merobahnya dengan begitu mudah sa-kali menjadikan-nya dendam dan hasad dengki, sebab sifat-nya dari awal lagi ada-lah memang liar dan tidak ada asas rohani dan moral. *UGAMA BAGI KOMUNIS TIDAK LEBEH DARI MADAT YANG MELEKAKAN ORANG,* pada hal *"sistem nilai"* yang tegoh ada-lah wujud di-dalam ugama, bukan dalam *besi dan api revolusi dan kedzaliman.* Kilang2, bangunan2 penchakar langit, kapal terbang, roket dan segala alat kelengkapan sains lain-nya tidak berguna sedikit pun, jika di-gunakan *bukan untok kebajikan* dan *muhibbah.* Yakni sama erti-nya alat2 itu akan musnah dan tidak ada fungsi-nya lagi manakala masharakat pada akhirnya di-perintah oleh manusia2 haiwan, ganas dan pendusta, yang tidak bertuhan kechuali benda, yang pelahap dan sentiasa hauskan darah.

Demikian pada hemmat saya.

Sa-lanjut-nya saya petek lagi tulisan Al-Ustaz Muhammad Safwat As-Saqa Amini, bahawa Kongres Agong orang2 Freemason tahun 1923 merakamkan: Bahawa pertentangan diantara kaum kapitalis dan golongan buroh itu menjadi-jadi dalam banyak segi kehidupan, dan bagi Freemasonry memileh dengan azam yang putus, salah satu golongan ini. Wajib bagi mereka memileki segala perusahaan dengan apa jua chara dan jalan.

Lodge Freemason di-Amerika, yang semua anggota-nya terdiri dari orang2 besar dan pemimpin Yahudi, telah mengadakan pada awal abad ke-20 suatu Kongres yang akhir-nya mengambil ketetapan yang akan di-laksanakan oleh lima orang melianar Yahudi, termasok orang2 kerajaan Kaisar Russia, bertujuan untok membangkitkan revolusi komunis di-sana. Kelima-lima orang Yahudi itu telah mendermakan banyak wang untok tujuan tersebut.

Ini ada-lah bersesuaian dengan apa yang di-sebut dalam PROTOCOLS NO. III: "Kita berhajat untok munchol sa-bagai pembebas kaum pekerja, kita datang untok membebaskan mereka dari kedzaliman, dengan menasehatkan supaya mereka menyertai semua peringkat tentera kita yang terdiri dari kaum sosialis, pengachau2 dan komunis. Dan kita sa-lama-nya memandang tinggi Komunism dan memeliharanya, menampakkan diri, bahawa kita menyokong dengan sukarela kaum pekerja atas asas persaudaraan dan muslihat kemanusiaan seluroh-nya".

(Bersambong)




INI-LAH buku yang mengandongi rahasia2 Freemasonry dan gerakan Yahudi.

# PENUNTUT2 YANG BELAJAR DI-LUAR NEGERI MUDAH TERDEDAH KAPADA PENGAROH ASING

*BERIKUT di-siarkan petikan uchapan Awg. Haji Badaruddin bin Pengarah Hj Othman, Ketua Pegawai Penerangan di-majlis perasmian Kursus Sivik Penuntut2 Seberang Laut kali ke-IV yang telah di-langsongkan pada petang Ahad, 2hb September yang baru lalu.*

AL-HAMDULILAH, kursus sivik bagi penuntut2 kita yang belajar di-United Kingdom dan Mesir kali ke-IV ini dapat di-anjorkan sa-bagai lanjutan daripada usaha kerajaan pada membimbing mereka itu bagi mengetahui, memahami dan kemudian menghayati aspirasi negara yang menaroh banyak harapan masa depan-nya kapada tenaga2 terpelajar.

Bimbingan itu sa-dapat2-nya di-resapkan dalam achara2 yang di-susun, sa-mata2 bagi memberikan faham-an yang betul serta meninggikan kesedaran penuntut2 yang belajar di-seberang laut mengenai hal ehwal sa-masa sekitar negeri dan kerajaan.

Bagi mendekati penchapaian tujuan itu sengaja di-buat penekanan terhadap pembentokan sikap berilmu serta beriman dalam sa-panjang achara kursus ini. Kerana itu mithal-nya, upa-chara pembukaan ini dan juga upachara penutop nanti di-selajorkan dengan ber-sembahyang jemaah, di-samping achara2 beramah mesra dengan pemimpin2 Kerajaan, kuliah2 suboh dan bimbingan menghalusi sembahyang. Sementara la-watan, taklimat dalam lawa-tan2 dan cheramah2 serta forum ada-lah senghaja di-pileh aspek2-nya yang di-kira relevan bagi mendekati maksud memberikan fa-haman yang betul dan me-ninggikan kesedaran menge-nai hal ehwal sa-masa se-kitar negara dan kerajaan itu.

Penuntut2 yang belajar di-luar negeri mudah sahaja terdedah kapada pengaroh asing. Ini satu kenyataan. Sa-jauh mana pengaroh asing itu baik atau burok maseh boleh di-bahathkan. Tetapi di-mana2 pun seka-rang, baik di-dalam mahu pun di-luar negeri, sa-se-orang individu amat sukar mendakwa diri-nya bebas dari pengaroh asing. Kehi-dupan zaman ini hampir ti-dak membenarkan sa-se-orang tinggal dalam keasli-an-nya. Proses pengaroh mempengarohi sedang dan akan terus berlangsong da-lam aliran kebudayaan du-nia. Tinggal lagi terserah kapada individu, sa-jauh mana keupayaan-nya me-ngukohkan sikap pada me-mileh dan menentukan pe-ngaroh asing yang bagai-mana yang patut di-terima-nya dan yang mana pula patut di-tolak-nya. Maka bagi maksud memungkin-kan sa-seorang itu dapat mengukohkan sikap-nya pa-da memileh dan menentu-kan itu-lah, kerajaan kita telah sa-daya upaya meng-ikhtiarkan langkah2 yang di-kira sesuai dan munasa-bah bagi menarek pelajar2, khusus-nya yang belajar di-luar negeri, menyedari ke-perluan mempunyai sikap yang kukoh dalam memileh dan menentukan pengaroh2 asing yang patut di-terima atau di-tolak-nya.

Kursus2 sivik ini ada-lah sa-bahagian ikhtiar2 Kera-jaan itu yang tentu-nya di-harapkan akan serba sedikit berkesan membantu mereka mengukohkan sikap selaku orang Brunei, anak pureh Brunei, di-tengah2 berba-gai-bagai pengaroh asing sa-masa berada di-luar ne-geri.

Dan dalam konteks pe-nuntut2 ini akan menjadi pemimpin hari esok, sikap yang kukoh itu amat mus-tahak sentiasa di-tanam dan di-suborkan dari sa-masa ka-sa-masa. Dengan itu mereka di-harapkan ka-lau terbang tinggi sa-kali pun, tidak mudah goyah, apa lagi untok hanyut me-layang di-awan biru. Atau melata di-bumi sa-kali pun, tidak tinggal saperti daun2 kering dan ranting2 patah. Tetapi tinggi di-awan atau melata di-bumi mereka te-tap berupaya menguasai suasana dan keadaan. Se-mua-nya itu pokok pang-kal-nya sikap dan ilmu se-laku tenaga penggaya. Te-tapi sikap dan tenaga peng-gaya sahaja maseh belum boleh di-harap menjadi pe-ngukoh. Sebab itu-lah mesti di-sertai dengan iman. Te-gas-nya, bersikap dan ber-gaya yang di-harapkan dari penuntut2 hari ini yang akan menjadi pemimpin di-hari esok itu ia-lah bukan sikap dan gaya yang sa-la-rah2-nya, yang kosong dari-pada sa-suatu inti yang tertentu.



**"... bahawa watak2 jahat di-peringkat orang berilmu lebeh besar risiko dan serta lebeh besar pula peratus ratio-nya daripada watak2 jahat di-peringkat orang2 jahil". —Awang Haji Badaruddin.**

Kalau pada orang lain, inti yang sa-demikian itu lazim mereka sebut sa-bagai moral, ethik, disiplin dan sa-umpama-nya. Lalu di-mana2 negara sekarang baik apa sistem sosial dan politik-nya, cherdek pandai di-berbagai-bagai bidang keahlian dan ilmu sentiasa di-serukan supaya bermo-ral, berakhlak, berdisiplin dan sa-bagai-nya. Tetapi bagi kita, kita lebeh enak dan memang serasi untok menyebut inti yang di-per-lukan bagi pelengkap sikap dan gaya itu ia-lah iman.

Sebab samada moral atau akhlak atau disiplin itu sen-diri belum-lah menjamin apa yang di-hajatkan jika tidak di-landaskan pada landasan yang betul. Dan landasan yang betul itu ia-lah iman yang kukoh kapa-da Allah s.w.t. sejarah ramai orang perseorangan bahkan sejarah banyak bangsa dan umat dapat di-pelajari un-tok di-chari bokti bahawa iman kapada Allah s.w.t., itu-lah landasan yang betul bagi kemanafaatan ilmu, ketinggian tamaddun, dan ketahanan (survival) umat. Orang berilmu sa-takat ber-moral berakhlak atau ber-disiplin sahaja tanpa iman maseh mudah terdedah un-tok membuyok atau menja-di crook.

Dalam hubongan ini, jika cherita2 talivishen dapat di-jadikan bahan pengesan mengenai hal itu maka wa-tak2 penjenayah dalam siri2 Hawaii Five 'O' mithal-nya atau pun dalam laporan2 jenayah dan mahkamah di-akhbar2 chukop menyakin-kan saya bahawa watak2 jahat di-peringkat orang berilmu lebeh besar risiko dan serta lebeh besar pula peratus ratio-nya daripada watak2 jahat di-peringkat orang2 jahil.

Maka oleh yang demiki-an itu-lah kalau achara sa-panjang kursus ini bagi sa-tengah2 orang di-katakan berbau dakwah, boleh-lah di-terima itu sa-bagai satu ikhtiar kerajaan kita yang berhajatkan penuntut2 yang bakal menjadi orang terpe-lajar dan berilmu, yang akan bersikap dan bergaya dengan pelajaran dan ilmu mereka itu — menerima dakwah, supaya ilmu dan sikap mereka nanti tidak kosong daripada berintikan keimanan kapada Allah s.w.t., ia-itu suatu aspirasi yang sudah di-terima dan menjadi fenomena di-negeri kita Brunei yang terchinta ini. Dan fenomena yang menjadi 'land mark' me-ngenalkan Brunei kapada ramai orang luar yang per-nah datang ka-mari itu, pa-tut-lah di-banggakan sa-bagai 'National Pride' dan di-hayati sa-bagai landasan bertolak bagi sa-tiap perka-ra oleh seluroh isi tanah ke-chil molek yang bergelar Darussalam ini.

Dalam hubongan ini ti-dak keterlaluan kalau saya tambah lagi dengan mene-kankan bahawa penuntut kita yang belajar di-luar ne-geri amat mustahak mena-roh minat kapada 'National Pride' negara-nya. Tanpa minat itu maka mereka amat sukar untok di-per-chayakan dapat menjadi sandaran pada memperte-gohkan negara di-masa de-pan.

# 125 murid berjaya ka-Sekolah Menengah Arab

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Sa-ramai 125 mu-rid dari beberapa buah se-kolah ugama seluroh negeri telah terpileh untok mema-soki Sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiah dan Sekolah Menengah Ugama Raja Isteri Pengiran Anak Damit bagi tahun 1980.

Mereka terpileh sa-telah menjalani pepereksaan uji-an kelayakan yang di-jalan-kan pada 1hb Julai yang lalu bersama-sama dengan 701 orang chalun dalam matapelajaran2 bachaan Al-Kor'an, Ilmu Hisab, Tauhid dan Ibadat.

Dari jumlah yang berja-ya itu 50 orang dari-nya ada-lah murid lelaki dan 75 orang murid perempuan. Nama2 chalun yang berja-ya untok memasoki kedua-dua buah sekolah menengah tersebut di-siarkan di-ba-wah ini, bagaimanapun un-tok mempastikan, Bahagian Pepereksaan Jabatan Hal Ehwal Ugama di-fahamkan telah menghantar senarai penoh keputusan peperek-saan kapada guru2 besar di-semua sekolah ugama yang menghantar chalun2-nya.

Berikut ia-lah nama cha-lun2 yang berjaya untok memasoki kedua-dua seko-lah menengah berkenaan:

**BAHAGIAN LELAKI:**

Abd Rahman bin Moha-mmad, Dennie bin Abdul-lah, Ismail bin Ali, Ak Setia Putra bin Pg Metussin, Mo-hamed Khalid bin Tim-bul, Iskandardzulkarnain bin Muhamad, Ak Jamalu-ddin Kamarulzaman bin Pg Othman.

Ak Noor Asmawi bin Pg Ahmad, Noorhasnan bin Ahmad, Murni bin Ali, Mustaffa bin Ismail, Nor Erawadi bin Ibrahim, Sofri bin Serudin, Sammali bin Adam.

Md Yusof bin Duraman, Rosli bin Ahmad, Abdullah bin Zaman, Mohammad Sahri bin Hj Sulaiman, Zulkafli bin Awg Bakar, Mohamad Yunus bin Metu-sin, Saiful Azhar bin Ram-lee.

Norazman bin Ahmad, Hamdani bin Othman, Mahmod bin Damit, Mo-hammad Bahtiar bin Musa, Hj Suhaili bin Hj Momin, Ak Ibrahim bin Pg Moha-mad Yusof.

Hirwan bin Husain, Ak Mohammad Tashim bin Pg Hassan, Azman bin Ham-dan, Zamri bin Kamis, Hazman bin Junit, Abdul Latif bin Ismail, Yahya bin Chuchu, Mahali bin Awg Zunaidi.

Norazali bin Sapar, Abas bin Abdul Wahab, Mohd Yusra bin Mohd Salleh, Farizan bin Judin, Mohd Ali bin Haji Hadi, Ismail bin Pehin Kh Hj Abd Ha-mid.

Ak Sani bin Pg Amat, Roslan bin Metussin, Abd Rahman bin Muslim, Sufri bin Bahar, Zunaidi bin Hj Abd Rahman, Shahbirin bin Matnor, Abd Rahman bin Haji Manaf, Asmali bin Othman.

**BAHAGIAN PEREMPU AN :**

Ubadah bte Harun, Mas-sitah bte Abas, Artini bte Timbang, Siti Hawa bte Kamis, Dk Alizah bte Pg Md Tahir, Mas Mirah bte Abd Karim, Noraimah bte Sulaiman.

Hairani bte Mohd Jais, Sandora bte Besar, Safiah bte Abd Halim, Dk Noras-mawati bte Pg Ahmad, Dk Norafizah bte Pg Bungsu, Rahayu bte Abdurahman, Dk Jainah bte Pg Amat.

Ramziah bte Osman, Naikasum bte Manan, Ari-ani bte Ahmad, Norhayati bte Hj Alimat, Aini bte Abd Salim, Reanah bte Hamid, Waziriah bte Ibrahim.

Dk Maskuin bte Pg Ha-shim, Norasrina bte Abd Rahman, Noorimah bte Awg Abd Hamid, Dk Nor-aimah bte Pg Md Tahir, Roziah bte Bakir, Jaliha bte Edris, Siti Jamilah bte Lamit.

Aisah bte Haris, Dyg Ro-kiah bte Mohammad, Nor-siah bte Haji Dullah, Kar-tini bte Shahbudin, Yati bte Mohd Yusoff, Radziahwati bte Hj Bolhassan, Kamsiah bte Morshidi.

Dyg Sa'edah bte Awg Mohd Zain, Aminah bte Yahya, Jelita bte Osman, Halida bte Mahali, Rusidah bte Talip, Suriani bte Abdul Latif, Dk Maswita bte Pg Sabtu.

Noriah bte Haji Yaakub, Zaliha bte Hj Bujang, Siti Noor Azizah bte Silin, Sal-yah bte Mohammad Salleh, Masliza bte Mohamad, Su-fiani bte Sapar.

Roziah bte Ibrahim, Ma-riani bte Mohammad Yu-sof, Hartini bte Morni, Norarina bte Bungsu, Dy Suhana bte Ismail, Hami-mah bte Sapar, Rugiah bte Razali.

Noraizan bte Abdul Wa-hab, Junah bte Abdullah, Mariani bte Ahmad, Ami-yusmawati bte Yusop, Nor-aini bte Matassim, Haryati bte Ahmad.

Nooraien bte Md Yunus, Tuah bte Ahmad, Dy Ha-midah bte Md Daud, Siti Hara bte Haji Damit, Ra-sidah bte Abd Rahman, Rabiaah bte Mohd Daud, Sufiah bte Arsad.

Siti Juryani bte Hj Mohd Japar, Surayah bte Abdul Gapar, Surinah bte Awang Kula,Noorain bte Md Yu-sof, Rosiah bte Haji Jafar, Dk Meriam bte Pg Damit.

# Memelok Ugama Islam



Ibrahim Abdullah

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Sa-orang lagi puak Iban yang berasal dari Lubok Antu, Sarawak telah memelok Ugama Islam di-negeri ini.

Bawang anak Ruron, 27 tahun, kini di-kenali sa-bagai Ibrahim bin Abdullah. Beliau melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Bega-wan Mudim) Dato Seri Utama Haji Ismail bin Mat Serudin dalam satu majlis pengIslaman yang berlangsong di-rumah Haji Md Noor bin Haji Ahmad Barrek Pejabat Letrik, Ja-[illegible] Gadong pada 5hb. Sep-tember, 1979.



# LAGU2 PERMINTAAN TALIPON HARI RAYA

BERATUS-RATUS orang telah mendaftarkan nama untok mengambil bahagian dalam ranchangan Lagu2 Permintaan Talipon Hari Raya yang baru lalu telah kechewa kerana juruhebah2 yang bertugas tidak menghubongi wereka walau pun terpaksa menunggu hingga larut malam.

Sa-benar-nya Radio Brunei sendiri menyedari perkara ini dengan rasa dukachita kerana tidak dapat melayan semua permintaan para pendengar kerana kesuntokan masa walau pun ranchangan pertama-nya di-siarkan sa-lama tiga jam di-malam raya.

Usaha untok mengatasinya telah juga di-buat dengan melanjutkan lagi siaran ranchangan itu pada hari raya yang ke-empat.

## Radio Brunei dukachita tidak dapat melayan sa-penoh-nya

Namun demikian beratus-ratus lagi permintaan dari para pendengar yang telah mendaftarkan nama maseh menunggu dalam fail kami.

Sa-benar-nya kami tidak menduga ranchangan tersebut mendapat sambutan sa-begitu hebat walau pun siaran pertama-nya kami jadualkan dari jam 12.00 tengah malam hingga jam 3.00 pagi. Radio Brunei telah menyiarkan ranchangan itu sa-lama 10 jam pada hari raya yang lalu namun demikian tidak sampai sa-penoh dari permintaan orang ramai yang dapat kami layan.

Maka dengan itu kami meminta maaf kapada para pendengar yang telah mendaftar nama tetapi tidak sempat di-hubongi pada hari raya yang lalu oleh sebab2 yang di-sebutkan tadi. Kami harap para pendengar akan dapat memahami masaalah yang kami hadapi itu.

Ranchangan tersebut ialah memberi kesempatan kapada para pendengar memileh lagu2 yang mereka gemari di-samping menyampaikan uchapan Selamat Hari Raya kapada saudara mara dan sahabat handai di-dalam dan diluar negeri. Ranchangan itu di-siarkan sa-chara langsung ka-udara.



intisa
RT
minggu i

## Siri baru THE FAMOUS FIVE

DALAM episod ini kelima-lima anak muda ini berchadang untok melarikan diri dari Kirrin Cottage sa-telah mereka dapati wanita yang menjaga mereka sa-lama sa-minggu ia-itu sa-orang yang pemanas menguncbi Timmy di-dalam sa-buah bangsal. Mereka membuat perjalanan ka-Kirrin Island di-mana mereka dapati bahawa segala-gala-nya tidak-lah saperti yang mereka harapkan dan bahawa mereka tidak-lah bersendirian.



## Muzika Drama "MAWAR GUGOR"

SIRI sukaramai Muzika Drama akan menemui peminat-nya lagi pada 16hb September. 1979 jam 8.45 dengan cherita yang berjodol MAWAR GUGOR karya Masri Haji Akip, Brunei. Cherita ini mengesahkan tentang sa-orang gadis pelajar — Tinah yang kechiwa dalam mengejar chita2-nya untok maju dibidang pelajaran.

Kedatangan Rashid karumah Tinah untok berbinchang dan mengulangkaji pelajaran membuat ayah-nya (P H Tajuddin) tidak begitu senang, kerana dia tidak mau Tinah berkawan dengan Rashid yang tidak di-ketahui asal usol-nya, lagi pun ayah-nya khuatir hubongan Tinah dan Rashid akan bertukar kapada hubongan chinta. Ayah-nya berchadang untok menjodohkan Tinah dengan Omar anak saudara-nya sa-telah pengajian Tinah tamat nanti.

Rashid, dengan azam tekun-nya itu membawa ia berjaya melanjutkan pelajaran-nya di-luar negeri. Kesudahan-nya ayah Tinah sedar akan sikap-nya yang tidak mengambil perhatian akan pelajaran anak-nya Tinah.

Pendukong watak dalam siri Muzika Drama ini ialah P.H.Tajuddin, Sahara Ahmad, Masni Haji Samli, Musa Mohd. Daud, Hanafiah Ismail dan Rogayah Zaini.

Jangan lupa untok menyaksikan Muzika Drama Mawar Gugor pada hari Ahad 16hb September, 1979 jam 8.45 malam.








## Sword of Justice

APABILA mendapat tahu mengenai satu kumpolan pengedar dadah bangsa Mexico yang mewah dengan menggunakan kapal-terbang2 bersayap dua Perang Dunia 1 dari sa-buah sarkas untok menghantar heroin tulin, Jack Cole dan Hector memasoki sarkas itu dengan tujuan untok membongkar kegiatan mereka yang menggunakan sarkas itu untok kegiatan menyeludup dadah ini.

Keberanian-nya ini menjadikan "The Skywaymen" episod yang menchemaskan dari siri ini.

**KELIHATAN Alexander Courtney sa-bagai Arthur Woods dalam siri Sword of Justice minggu ini yang bertajok "The Skywaymen".**





SA-



# MAJLIS BERAMAH MESRA

ANTARA ator-chara Kursus Sivik Penuntut2 Seberang Laut Kali Ke-empat ia-lah Majlis Beramah Mesra dengan Pembesar2 Negara. Kelihatan dalam gambar (sa-belah kanan, bawah dan kanan bawah), Yang Teramat Berhormat Penasihat Umom Kebawah DYMM, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa dan Datin dalam Majlis Beramah Mesra dengan penuntut2, selesai sahaja menunaikan fardhu Sembahyang Maghrib berjemaah, sambil menekmati hidangan. Sementara gambar (kiri tengah), peserta kursus bergambar ramai di-depan Pejabat Penerangan Shell, Seria.










## Lawatan sa-panjang kursus

ANTARA lawatan2 sa-panjang kursus di-jalankan ialah ka-Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, di-Gadong (kedua-dua gambar bawah); Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan Sultan (gambar kanan bawah); melawat Sharikat Minyak Shell, Seria dan ka-Pengkalan Angkatan Laut AMDB di-Muara.











SA-JURUS sa-telah menunaikan S pertama yang telah di-sampaikan "Manusia — bukan Malaikat dan bu peserta kursus sedang mendengar de diri kapada Allah" yang telah di-sampaikan oleh Awang Haji Suhai





# MANUSIA - BU BU

**MANUSIA itu memang di-takdirkan Allah untok menjadi manusia, bukan untok menjadi malaikat, dan bukan pula untok menjadi iblis. Ini-lah janji awal. Terserah-lah kapada manusia berikhtiar memenohi janji yang di-takdirkan Allah untok-nya menjadi manusia. Jalan2 serta panduan2 berikhtiar itu telah di-sediakan Allah menerusi ajaran2 agama-Nya.**

Ini telah di-tegaskan, dalam kata alu-aluan pembukaan *Kuliah Suboh* yang telah di-sampaikan oleh Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, sa-jurus sa-telah selesai menunaikan Sembahyang Suboh berjemaah. Ini merupakan Kuliah Suboh yang pertama dalam Kursus Penuntut2 Seberang Laut Kali Ke-IV, yang telah di-langsongkan di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan, yang baru lalu.

Dalam perkara tertentu, menurut Awang Haji Badaruddin lagi, kita kadang2 mendapati diri kita terlalu ideal apabila mengukor diri sa-seorang itu. Kita mengharapkan-nya berseh sa-puteh-puteh-nya. Begitu juga dalam ideal itu apabila harapan kita ternyata hampa lalu kita menghukum sa-seorang itu hitam sa-pakat-pakat-nya. Adil-kah itu? Tapi bukan-lah maksud di-sini untok memperbahathkan ukoran2 keadilan. sa-kadar bermaksud mengetengahkan suatu aspek mengenai diri kita manusia, dan aspek ini sering kali kita lupakan dalam kita berfikir dan bersikap serta berharap segala-galanya serba ideal. Awang Haji Badaruddin meneruskan Kuliah Suboh itu dengan menyatakan *Tiga Watak*:

Termaktub dalam Al-Kor-'an, ayat 30 — 33 Surah Al-Baqarah, saperti keterangan berikut: —

(1) Allah s.w.t. memaklumkan kapada malaikat bahawa Dia (Allah) memutuskan untok menjadikan Adam (manusia) sebagai khalifah di-bumi. Keputusan itu di-ragukan oleh malaikat dengan alasan manusia ada-lah pembuat benchana dan penumpah darah di-bumi. Sedangkan malaikat sentiasa berseh dan ta'at beramal kapada Allah lalu mereka-lah yang sa-patut-nya layak memegang teraju penguasaan di-bumi supaya bumi dan sagenap isi-nya sentiasa berkeadaan baik di-bawah pimpinan yang berseh dan ta'at itu. Tetapi Allah s.w.t. menjawab agumen malaikat itu dengan mengatakan: "sesunggoh-nya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui".

(2) Adam sebagai manusia mempunyai bakat semula jadi untok menerima dan menguasai serta mengembangkan ilmu. Apabila Allah s.w.t. mengajarkan-nya 'segala nama' dia dapat menguasai pengajaran itu sedangkan subjek yang sama apabila di-bentangkan Allah kapada malaikat, mereka 'tidak mengetahui-nya sa-lain daripada yang di-ajarkan terlebeh dahulu'. Allah pun memerintahkan Adam menyebut 'segala nama' yang di-ajarkan-Nya itu kapada malaikat. Lalu sa-telah Adam menyebut-nya Allah menegaskan bahawa itu-lah rahasia-nya maka Adam, ia-itu makhlok jenis manusia itu di-lantek-Nya akan menjadi khalifah di-bumi kerana mempunyai potensi untok berilmu dan menguasai serta mengembangkan ilmu itu.

Dalam Surah Al-A'raf ayat 11 — 18 dan Surah Al-Hijr ayat 26 — 44 di-maktubka pula keterangan berikut: —

(1) Sa-telah Allah s.w selesai menchipta Adam da memberi-nya rupa bentok yan waleh dari rupa bentok mak lok2 lain, Allah pun memeri tahkan malaikat supaya tundo menghormati Adam (manusia Para malaikat patuh kapad perintah Allah itu, tetapi Ibl tidak turut menyertai oran yang tundok memuliakan ba kan ia enggan berbuat begi dengan alasan "Aku terlebe baik daripada-nya. Aku En kau jadikan daripada api s dangkan dia Engkau jadika daripada tanah."

(2) Berikut daripada k engganan-nya itu iblis telah d chap oleh Allah s.w.t. sebag takbur dan kerana-nya d putuskan tidak sesuai unto berdampingan dengan Alla lalu ia pun di-halau dala keadaan terhina. Sa-belum d pergi iblis chuma memohonka satu hajat: dia meminta tem poh masa untok-nya 'men ganggu' Adam dan keturuna nya sampai hari kiamat, ia-it gangguan yang bertujua menyelewengkan manusia da Jalan Allah Yang Lurus. Gan guan-nya itu di-nyatakan-ny kapada Allah akan di-lakuka nya dari sa-genap penjuru k hidupan dan melupakan Alla melainkan hamba-Mu yan suchi di-antara mereka."

(3) Permintaan iblis itu d perkenankan oleh Allah denga janji: "Sesiapa di-antara ma nusia yang mengikut engka neschaya akan ku penohka neraka jahanam dengan kam semua." Dalam pada itu Alla juga menjanjikan: Sa-sunggo nya hamba2 Ku, engkau tida mempunyai kekuasaan ka-at mereka, melainkan orang2 yan sesat yang mahu mengik engkau."



KETIGA2 gambar menunjokkan jemputan khas di-antara-nya Datin Hajjah Zaharah, bersembahyang fardhu Asar berjemaah, sa-belum perasmian kursus; menghalusi latehan sembahyang bagi peserta kursus lelaki dan menekmati sarapan pagi.



# SETIA USAHA KERAJAAN DI-PEMBUKAAN RASMI KURSUS

"MENGHARAPKAN agar penuntut2 yang di-hantar ka-seberang laut itu belajar bersunggoh-sunggoh, mendampingkan diri mereka dengan ajaran Ugama Islam yang maha suchi dan memileh kursus yang sesuai dengan kepentingan negara", ada-lah antara lain amanat yang telah di-sampaikan oleh Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan Brunei, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, ketika merasmikan Kursus Sivik Penuntut2 Seberang Laut Kali Ke-empat, yang telah di-anjorkan oleh Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan, minggu lalu dengan kerjasama Jabatan Pelajaran dan Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Kelihatan dalam gambar (sa-belah kiri), Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan dan jemaah menunaikan Sembahyang fardhu Asar, sa-belum merasmikan kursus. Sementara gambar bawah kelihatan Yang Berhormat beramah mesra dengan penuntut2 serta hadhirin sa-jurus sa-telah perasmian kursus selamat di-laksanakan.







# HARI PERTAMA KURSUS

BERMULA pada 2hb September, 1979 yang lalu, merupakan hari pertama pendaftaran peserta Kursus Sivik Penuntut2 Seberang Laut kali ke-empat dari jam 9.30 — 11.00 pagi dan berikut-nya Taklimat Perjalanan Kursus. Gambar bawah kelihatan pegawai dan peserta kursus sedang menguruskan pendaftaran serta memberikan lenchana dan tikar sembahyang kapada penuntut2 yang berugama Islam.

Gambar kanan bawah, dengan khusok dan penoh tawadhuk para jemputan khas dan peserta kursus menadah tangan memohon kapada Allah semoga kursus yang berjalan sa-lama enam hari itu di-berkati-Nya, (di-pembukaan rasmi hari pertama kursus).







# SISWAZAH BRUNEI

DALAM keluaran Siswazah Brunei minggu ini, awda pendengar khas-nya pelajar2 sekalian akan berpeluang pula mengikuti temu-ramah penerbit ranchangan ini dengan Awang Ghani bin Bujang (gambar sa-belah kanan), Pemangku Pengetua Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong. Siaran-nya ia-lah hari Jumaat 14hb September, 1979 jam 7.30 malam dan ulangan-nya hari Sabtu jam 1.00 tengah-hari.



## Brunei Graduates

BRUNEI GRADUATES—Tomorrow's edition will be featuring Dk Mariam Pg Matarsat (left above), Deputy Principal of Sultan Hassanal Bolkiah Teachers College. You can listen to the programme at 12.45 pm and the repeat is on Sunday 16th September at 8.00 pm.

## Tayangan Malam Minggu

TAYANGAN gambar minggu ini ada-lah sa-buah komidi romantik yang di-bintangi oleh Sidney Poitier dan lain2. Ivy Moore (Abbey Lincoln) memainkan peranan sa-bagai orang gaji kapada keluarga Austin. Ia telah bekerja dengan mereka sa-lama sembilan tahun. Dengan menghairankan sa-kali ia menyampaikan hasrat-nya untok berhenti dan ini merupakan satu tamparan kapada mereka terutama sa-kali kapada Gena (Lauri Peters) dan Tim (Beau Bridges). Mereka menggunakan berbagai muslihat untok menghalang-nya dari berhenti. Dan cherita ini berkisar pada muslihat2 ini.

Gambar menunjokkan Sidney Poitier dan Abbey Lincoln bintang2 utama "For Love Of Ivy", tayangan malam minggu ini jam 10.45 malam.



## ARENA SOKAN PERLUKAN...

RANCHANGAN Arena Sokan akan menemui awda sekalian sa-kali lagi dengan siri yang terbaharu. Pehak penerbit meminta kerjasama persatuan2 dan badan2 sokan supaya dapat menghantar berita2, atorchara dan makluman berkaitan dengan kegiatan2 sokan yang akan di-langsongkan di-dalam dan di-luar negeri sa-kurang2-nya sa-bulan sabelum aktibiti itu di-jalankan.

Sila-lah berhubong Penerbit Arena Sokan sekarang di-Bilek Penerbitan Ranchangan TV, Tingkat Tiga, Radio Talivishen Brunei, Bandar Seri Begawan. Talipon numbor 23111 sambongan 238.



...GAN di-antara pemohon2 yang hadhir di-studio RTB baru2 ini kerana ujian bagi pelakon2 drama radio. Beratus-ratus orang lagi pemohon sedang menunggu untok di-panggil dalam beberapa hari lagi.

# RANCHANGAN TVP MINGGU INI

RANCHANGAN ke-enam belas siri "Let's Speak English" minggu ini mengajar murid2 bagaimana menggunakan soalan2 "How much" dan "How many". Dalam ranchangan ini juga murid2 akan di-hiborkan dengan sa-buah lagu, ia-itu, "Rich Widow". Berikut ia-lah senikata lagu itu.

How many cars do you have,
Rich widow, rich widow?
I have one and ten cars,
Young soldier, young soldier.
How much money do you have,
Rich widow, rich widow?
I have plenty of money,
Young soldier, young soldier.
How many houses do you have,
Rich widow, rich widow?
I have one and twenty houses,
Young soldier, young soldier.
How much land do you have,
Rich widow, rich widow?
I have acres and acres of them,
Young soldier, young soldier.
May I marry your daughter,
Rich widow, rich widow?
Daughters I have none,
Young soldier, young soldier.
But you may marry me if you wish.

Siri "Sains Dan Hidupan Di-Brunei" ranchangan ke-enam belas bertajok "Sumboi2". Ranchangan ini membawa kita mempelajari berkenaan dengan sa-jenis tumbohan yang di-kenal dengan nama periok kera atau sumboi2. Antara lain isi ranchangan ini ia-lah bagaimana tumbohan sumboi2 ini mendapat bahan makanannya.

Tahu-kah murid2 berapa-kah jenis pokok sumboi2 yang terdapat di-dunia?

Untok mengetahui-nya, sila-lah ikuti siaran ranchangan ini sa-terus-nya.



Rajah : Sumboi2

Kedua-dua ranchangan ini akan dapat di-ikuti pada hari Isnin 17hb September, 1979. Siri "Let's Speak English" akan dapat di-ikuti pada pukol 8.50 pagi dan siri "Sains Dan Hidupan Di-Brunei" pada pukol 9.20 pagi.

Siaran ulangan kedua-dua ranchangan ini akan dapat di-ikuti pada hari2 Selasa, Rabu dan Khamis bersamaan dengan 18hb, 19hb dan 20hb September, 1979 pada waktu yang sama.

# B-SEPAK BELIA SHELL BHD

KUALA BELAIT — Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad dengan kerjasama Persatuan Bolasepak Amatur Brunei akan menganjurkan perlawanan bolasepak yang terbuka kapada pasokan2 bolasepak di-negeri ini.

Perlawanan yang buat pertama kali-nya di-anjurkan dan di-ranchang akan di-adakan sa-tiap tahun itu akan di-kenali sebagai Pertandingan Bolasepak Belia Antara Daerah Sharikat Minyak Shell Brunei.

Dalam perlawanan itu nanti sa-banyak 27 perlawanan akan di-jalankan.

Perlawanan pembukaan yang mana akan di-jalankan pada 16hb September depan ia-lah di-antara Pasokan Brunei 'A' dengan Pasokan Kuala Belait 'A' yang akan di-langsongkan di-Padang KBRC di-sini.

Khas bagi perlawanan itu satu piala rebutan telah pun di-sediakan untok di-menangi.

# Lari Jarak Jauh Kampong Lumapas

BANDAR SERI BEGAWAN — Persatuan Belia dan Pendudok Kampong Lumapas akan menganjurkan Lumba Lari Jarak Jauh yang terbuka kapada pendudok2 kampong tersebut.

Perlumbaan tersebut ada-lah merupakan salah satu achara dalam perayaan tiga hari sempena menyembut Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang di-anjurkan oleh persatuan tersebut.

Perlumbaan tersebut akan di-adakan pada hari Ahad, 16hb. Sept. 79 dan akan bermula dari Sungai Kebun dan berakhir di-padang Sekolah Melayu Lumapas.

Sesiapa yang ingin menyertai perlumbaan itu boleh-lah berhubong dengan Pengurusi Perlawanan atau Pengurusi Perayaan dan Setia Usaha Perayaan di-Kampong Lumapas tidak lewat dari 14hb September, 79.





Gambar menunjokkan sa-bahagian daripada pemain2 chator yang mengambil bahagian dalam perlawanan chator daerah Tutong yang telah berlangsong di-Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah Tutong bulan lalu.

# Pesta Pantai Ria Daerah Tutong

TUTONG — Pesta Pantai Ria di-Pantai Seri Kenangan di-Daerah ini yang di-anjurkan sempena menyambut hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah di-langsongkan minggu lalu.

Pesta tersebut telah di-rasmikan oleh Pengiran Dato Paduka Othman bin Pengiran Anak Mohammad Salleh.

Dalam uchapan perasmian-nya Pengiran Dato Paduka Othman antara-nya telah mengesa pendudok2 daerah Tutong supaya memberikan kerjasama kapada kerajaan dalam menjalankan berbagai projek pembangunan di-daerah ini.

Turut juga beruchap di-upachara perasmian itu ia-lah Awang Haji Junaidi bin Orang Kaya Setia Negara Haji Mohammad Safar, Pengurusi Jawatankuasa Penganjur pesta tersebut.

Pesta tersebut juga telah di-serikan dengan berbagai achara termasok perlawanan gasing, peraduan2 nyayian, feshen pakaian dan tarian serta sokan ria bagi kanak2 dan orang2 dewasa.

**Gambar atas ia-lah persembahan pencharagam oleh penuntut sekolah di-pesta tersebut.**

BELIA DAN SOKAN

# KING'S INDIAN DEFENCE

OLEH: STEWART WAVELL

## Siri 43

## MAIN CHATOR — PERMAINAN DIRAJA

KING'S Indian Defence dan Benoni Defence mempunyai banyak persamaan tetapi dalam King's Indian Defence, Hitam langsong meninggalkan kawalan bahagian tengah dan menyerahkan-nya kapada Puteh. Sa-lepas itu Hitam menyusun serbuan2 dari samping untok membekukan bahagian tengah itu. Di-sebabkan bahagian tengah tertutup, kegiatan2 di-bahagian sayap ada-lah wajib yang memandu ka-arah kedudokan2 paling sensitif yang biasa-nya tajam, dan pertarongan sa-bahagian besar-nya ada-lah pertarongan taktik. Di-samping grandmaster Soviet Bronstein dan Boleslavsky, sa-orang bangsa Yugoslav ia-itu Gligoric ada-lah di-anggap pakar terhandal tentang pembukaan ini, dan ia telah banyak menyumbangkan ka-arah perkembangan-nya. Walau pun begitu, sa-orang penyokong baru yang ada harapan untok memberi idea2 baru dalam perjalanan-nya naik menjadi juara dunia ada-lah Gary Kasparov dari Soviet Union. Dia baru berumor enam belas tahun tetapi sudah melakukan perlawanan pertandingan sa-banyak 2,700 kali, satu angka yang menandingi Viktor Korchnoi. Berikut ada-lah permainan Kasparov dalam Banja Luka International Tournament yang di-menangi-nya. Dia bermain Puteh menggunakan King's Indian Defence melawan Milan Vukic pada bulan Jun 1979.

**1. B-c4, K-f6; 2. K-c3, B-g6** (terus melakukan Fianchetto); **3.B-d4, G-g7; 4. B-e4, B-d6; 5. K-f3, O-O; 6. G-e2.** Ini ada-lah salah satu kaedah tertua untok menentang King's Indian Defence dan di-sebabkan oleh banyak idea baru, kaedah ini maseh popular hingga sekarang. Strateji Puteh dalam pembukaan ini menampakkan chiri2 klasik: ia menguasai bahagian tengah dengan Bidak2 dan dengan chepat mengembangkan buah-chator-nya yang lain. Hitam membalas sistem pengembangan ini dengan menyerahkan bahagian tengah kapada lawan dan sa-lepas itu melakukan serangan balas.

**6...., G-g4; 7. G-e3, K(f6)-d7.** Perhatikan — saperti juga dalam Benoni Defence — yang Kuda Raja bergerak kapetak d7, bukan-nya Kuda Menteri; kalau tidak Hitam akan menempoh kesukaran daripada kemaraan Bidak2 Puteh itu. Ini di-sebut variasi Simagen, ia-itu meranchang untok menyerang petak2 Hitam dengan GxK dan B-c5 atau K-c6.

**8. K-g1!** Bertindak-balas terhadap anchaman Hitam! **8. . . ., GxG; 9. K(g1)xG, B-e5; 10. 0-0, B-a5; 11. M-d2, K-c6; 12. B-f3, BxB; 13. KxB, K-c5; 14. T(a1)-d1, K-e6; 15. K(d4)-b5.** Satu kubu yang kuat dan terkenal dalam pembukaan ini. Menteri Hitam ada-lah terikat pada petak c7 dan jika ia mengusir Kuda itu akan meninggalkan Bidak tersebut lemah.

**15...., T-e8; 16. M-c1** (anchaman **B-c5**), **M-b8; 17. G-h6, G-h8.** Gerak biasa Hitam apabila ia berhajat hendak mengelakkan makan-memakan Gajah. Tentu-lah Hitam tidak berhajat untok melemahkan lagi petak2 Hitam yang sudah pun menjadi lemah dengan gerak awal Bidak ka-Petak g6.

**18. K-d5, K-b4; 19. B-a3, K-a6.** Sekarang Hitam berharap hendak melakukan serampang ka-atas kedua-dua Kuda dengan gerak **B-c6**, tetapi Kasparov bertindak-balas dengan menyerang balas kedudokan Rajah Hitam yang sa-makin lemah, terutama-nya Bidak lemah pada petak f7 yang tidak lagi di-bantu oleh Tihir Hitam.

**20. B-f4, B-c6; 21. B-f5!** (ia-itu jika ......,**K-c5; 22.BxB, B(h7)xB; 23. M-f4** dengan satu serangan yang dapat menang; atau jika ......, **K-d8; 22. BxB, B(h7)xB; 23. K-f6** asah, **GxK; 24. TxG, BxK; 25. M-f3**).

Kita teruskan: **21 ......, BxK (d5); 22. BxK, TxB; 23. B(e4)xB, T-e7; 24. G-f4, T-d7; 25. KxB!** (Tegas kerana jika **TxK**, kemudian **B-c5**).

**25..., M-d8; 26. K-b5, K-c5; 27. M-e3, B-b6; 28. B-b4, BxB; 29. BxB, K-a6; 30. G-g5, M-b8; 31. B-d6, KxB.** Awda telah mempelajari bahawa apabila memperolehi satu Bidak terlepas, awda mesti-lah menyingkirkan sebarang halangan di-haluan-nya dan memajukan Bidak itu dengan kemahiran serta azam. Dalam konteks ini, gerak Hitam yang terakhir itu ada-lah tidak perlu.

**32. G-e7, M-b7; 33. TxB! RxT; 34. T-f1** asah, **G-f6; 35. GxG** dan Hitam menyerah kalah. Jika **35...., R-g8; 36. M-e6** asah, **T-f7; 37. G-e7, T(a)-f8; 38. TxT, TxT; 39. B-d7.**

Sekarang mari-lah kita melihat bagaimana Tal mengendalikan King's Indian Defence apabila ia bermain Hitam. Lawan-nya: Spiridonov dalam International Tournament Tbilisi, 1969/70.

**1. K-f3, B-g6; 2. B-d4, G-g7; 3. B-c4, B-d6; 4. K-c3, K-f6; 5. B-e4, O-O; 6. G-e2, B-e5; 7. O-O, K(b8)-d7; 8. B-d5.** Hilang ketegangan di-bahagian tengah dan membiarkan Kuda Menteri Hitam serta-merta menguasai petak-nya yang ideal daripada membuang masa terchegat di-petak b3.

**8. ..., K-c5; 9. M-c2, B-a!5; 10. K-d2, G-h6?** Meranchang untok menyingkirkan Gajah di-petak Hitam demi membolehkan memperkuat kubu Kuda-nya di-petak c5. Ada-kah berfaedah melemahkan petak2 Hitam di-sekeliling Raja itu? Saya ragu.

**11. K-b3,GxG; 12. KxK?** Tentu ini satu kesalahan. Sekarang Tal bergantong pada Gajah-nya yang di-petak Hitam!

**12. ..., G-h6; 13. K-d3, K-d2!; 14. G-g4, B-f5; 15. G-h3, M-h4; 16. T(a1)-e1, K-f6; 17. B-f3, T-f7; 18. M-f2!, M-h5; 19. B-c5, BxB(e4); 20. GxG, B-e3!; 21. M-c2, TxG; 22. M-a4.** Menteri dengan pantas memasoki kawasan Puteh di-mana ia mempunyai peluang untok makan satu atau dua Bidak; tetapi kesah tertua dalam permainan chator akan berulang sa-mula. Menteri itu sudah jauh terpisah daripada Raja-nya.

**22. ..., T(c8)-f8; 23. BxB, BxB; 24. K-c1, B-e2!!; 25. TxB, K-g4!; 26. B-h3, K-e3; 27. T(f1)-e1, B-b5!!; 28. MxB (b5), TxB!!; 29. BxT, MxB (f3).** (Dengan anchaman chantek **30. ..., M-f1 asah !!; 31. TxM, TxT asah; 32. R-h2, G-f4 mat**).

Jadi: **30. K-d3, M-g3 asah; 31. R-h1, MxB asah; 32. R-g1, B-e4!** Mendesak salah satu Kuda untok bergerak!

**33. KxB, T-f1 asah; 34. TxT, MxT asah; 35. R-h2, MxT** asah; 36. K(e4)-f2, G-f4 asah. Kuda yang terchegat di-petak d3 sejak gerak ke-30 bagi tujuan menchegah gerak yang ini, sekarang mendapati dirinya terpasak kapada Menteri yang tidak di-kawal itu. Tetapi alternatif untok makan Gajah hanya-lah **37.R-h3, M-f3 asah** dengan gerak berikut-nya untok mengenakan empat pilehan mat. Puteh menyerah kalah.

Variasi2 lain untok di-pelajari ada-lah variasi Petrosian, variasi Mar del Plata, variasi Averbakh, variasi Samish, variasi Empat Bidak, variasi Fianchetto Raja ia-itu menfianchetto Gajah Raja Puteh, dan, oleh kerana pembukaan ini meluas di-pakai oleh grandmaster2, akan timbul banyak lagi variasi sa-belum siri ini di-terbitkan dalam bentok buku. Satu kelebehan besar pembukaan ini ada-lah Hitam dapat menfianchetto Gajah Raja-nya dan menggerakkan B-d6 walau apa pun gerak yang di-buat oleh Puteh. Walaupun bagitu, pembukaan ini memerlukan pengendalian yang teliti oleh Hitam dan bagi pemain2 yang tidak biasa dengan penujuan hypermodern akan merasa terhalang oleh bahagian tengah yang kuat yang di-biarkan oleh Puteh untok terbentok.

# MASHUARAT FOTOGRAPHI

BANDAR SERI BEGAWAN — Persatuan Fotographi Brunei telah melangsongkan mashuarat-nya bertempat di-Bilek Mashuarat Pusat Belia di-sini minggu lalu.

Mashuarat kali kedua yang bertujuan untok melantek ahli2 jawatankuasa baru bagi persatuan tersebut telah di-pengerusikan oleh Awang Haji Kamaluddin bin Haji Abu Bakar.

# 6 RIBU SAKSIKAN PESTA TAMU RIA DAERAH TUTONG

TUTONG. — Kira2 6,000 orang telah membanjiri Pantai Seri Kenangan untok menyaksikan temasha Pesta Tamu Ria yang di-adakan di-sini pada hari Ahad 2hb September yang baru lalu.

Pesta tersebut merupakan salah satu achara bagi daerah itu sempena Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali yang ke-33 tahun.

Pesta yang di-usahakan oleh ahli2 Jawatankuasa Sambutan Hari Perayaan bagi daerah itu dan juga merupakan achara tahunan telah di-buka dengan resmi-nya oleh Yang Berbahagia Pengiran Dato Paduka Othman bin Pengiran Anak Mohd. Salleh dan beliau juga telah menyampaikan hadiah2 kapada pemenang2 dalam peraduan bahagian gerai dan pondok2.

Berbagai-bagai achara peraduan dan sokan telah di-adakan khas untok penduduk2 di-Daerah Tutong sahaja antara-nya termasok-lah peraduan menutok dan menampi padi, main kikek, lumba kerbau, main gasing, mengukor kelapa, memotong dan mengangkat kayu.

Di-antara achara yang menarek dan mendapat sambutan dari orang ramai dalam pesta itu ia-lah persembahan tarian kebudayaan asli saperti Alai Bubu, Anding dan Alai Mengantu serta permainan gambus, biola dan geruding.

Achara yang di-jalankan dari pagi hingga petang itu juga telah di-serikan dengan permainan persembahan pencharagam dari Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah dan persembahan tarian oleh masharakat kaum Tiong Hwa di-daerah itu.

Sa-bagai tambahan achara pada pagi itu ia-lah perlawanan chator sa-chara persahabatan antara 10 orang pemain chator dari Radio dan Talivishen yang di-ketuai oleh Awang Abu Bakar dengan pasokan pemain2 dari Daerah Tutong yang di-ketuai oleh Awang Dandan Setia.



**BAGI kaum ibu pula (gambar sa-belah) kebolehan mereka mengupas kulit nenas dapat di-saksikan di-temasha itu yang juga merupakan salah satu sudut peraduan yang menambah seri achara temasha tersebut sa-tiap tahun.**







**KETANGKASAN bekerja mengupas kelapa bagi peserta ini (gambar atas) sunggoh menyenangkan hati-nya ketika menyertai peraduan berkenaan di-temasha Pantai Ria Tutong di-samping menerima gelak ketawa dari penonton. Gambar sa-belah kiri, kanak-kanak juga tidak ketinggalan untok mengambil bahagian di-temasha tersebut, kelihatan kanak-kanak ini sedang mengadu kekuatan mereka dalam peraduan tarek kalat. Dan gambar bawah peserta ini menunjokkan kebolehan-nya mengambil barang dalam peraduan memanjat pohon pinang.**

## Lawatan muhibbah WI Bintulu, Sarawak

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu rombongan mengandongi sa-ramai 20 orang ahli Persekutuan Perkumpolan Wanita Sarawak Daerah Bintulu chawangan Orked telah mengadakan lawatan muhibbah sa-lama dua hari ka-sini pada minggu lalu.

Rombongan yang di-ketuai oleh Dayang Fatimah bte Munir itu ada-lah menjadi tetamu kapada PERTIWI Brunei.

Tujuan mengadakan lawatan ka-Brunei ia-lah untok mengeratkan perhubongan silatur-rahim antara kaum wanita di-negeri ini di-samping untok melihat perkembangan dan kemajuan yang di-chapai oleh negeri Brunei.

Sa-masa berada di-sini pelawat2 itu juga telah berkesempatan melawat ka-beberapa tempat yang menarek antara-nya termasok-lah lawatan ka-Dewan Majlis, Muzium, Masjid Sultan Omar Ali Saifuddin, Tugu Peringatan Churchill dan Kampong Ayer.

Rombongan pelawat2 itu juga telah di-raikan dengan makan malam di-rumah Pengerusi PERTIWI, Datin Hajjah Zaharah bte Haji Idris dan makan tengahari di-rumah Penghulu Mukim Burong Pinggai di-Kampong Ayer, Awang Haji Abu. Bakar bin Hashim.

Sa-belum pulang ka-Bintulu pada hari Sabtu lalu, rombongan itu juga telah di-bawa melawat ka-Pusat Latehan Kesenian dan Pertukangan-tangan di-Perpindahan Berakas.

Di-Pusat itu mereka telah di-sambut dan di-berikan taklimat oleh pengawas pusat tersebut Awang Haji Yassin bin Haji Metassim.

Sa-lepas itu mereka telah dibawa melihat ka-beberapa bahagian pusat berkenaan saperti bilek Anyaman, Tenunan, dan bilek Pertukangan Perak dan Tembaga.



**MELAWAT Sekolah Kesenian dan Pertukangan-tangan Brunei di-Kampong Perpindahan Berakas tidak ketinggalan menjadi idaman bagi rombongan pelawat WI, Bintulu, Sarawak itu baru2 ini.**

# KERJAYA DALAM PASOKAN AMDB

## SA-BAGAI TENTERA BERJALAN KAKI

1. Menjalani latehan asas tentera 25 minggu dan menerima gaji $433.
2. Di-tempatkan di-kompani2 battalion apabila tamat latehan dengan gaji $473 tidak termasok elaun chatuan $162.
3. Di-berikan kursus2 tempatan dan luar negeri dalam bidang infantri mengikut kebolehan, kelamaan dan pangkat.
4. Kenaikan pangkat yang menggalakkan tergantong kapada kemampuan, kebolehan dan kelamaan.
5. Menerima elaun2, kemudahan2, keistimewaan2 dan kebajikan2 yang lazim di-berikan kapada anggota2 pasokan.
6. Jika mempunyai kebolehan dan kelayakan yang terkemuka boleh di-sokong untok menjadi pegawai.
7. Di-benarkan berpenchen sa-lepas 15 tahun perkhidmatan.

### SHARAT KEMASOKAN

1. Raayat Kebawah DYMM dan tergolong kapada salah satu daripada 7 puak jati Melayu: Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.
2. Pemohon yang menjadi Warga Negara Brunei yang tidak tergolong kapada salah satu daripada tujoh puak jati Melayu itu mesti-lah memelok Ugama Islam dan mengamalkan adat resam orang2 Melayu Brunei.
3. Bujang atau kahwin
4. Berbadan sehat
5. Berumor 17½–25 tahun
6. Tinggi tidak kurang daripada 5 kaki 1 inchi
7. Berat badan tidak kurang daripada 105 paun
8. Sa-rendah2-nya Darjah 6 Melayu atau Primary 6 Inggeris. Kelulusan yang lebeh tinggi ada-lah sangat2 di-alu-alukan.

Datang-lah ka-alamat di-bawah untok mendapatkan maklumat lanjut. Dan jika kamu berminat isikan-lah borang yang di-sediakan dan hantarkan kapada:

Pejabat Pengambilan Pasokan
Askar Melayu Diraja Brunei
Bolkiah Kem, Brunei.
Talipon 23531 sambongan 01 atau 02





## ANGGOTA ANGKATAN LAUT

1. Menjalani latehan asas tentera 25 minggu dan menerima gaji $433.00.
2. Di-tempatkan di-Kapal2 Angkatan Laut Diraja apabila tamat latehan dengan menerima salah satu daripada dua sukatan gaji tergantong kapada kelayakan:
   'B' — $473.00
   'A' — $490.00
   Kedua-dua sukatan gaji ini tidak termasok elaun chatuan $162.00.
3. Di-berikan kursus2 tempatan dan luar negeri dalam bidang perkapalan dan pelayaran mengikut kebolehan, kelamaan dan pangkat.
4. Kenaikan pangkat yang menggalakkan tergantong kapada kemampuan, kebolehan dan kelamaan.
5. Menerima elaun2, kemudahan2, keistimewaan2, dan kebajikan2 yang lazim di-berikan kapada anggota pasokan.
6. Jika mempunyai kebolehan dan kelayakan yang terkemuka boleh di-sokong untok menjadi pegawai.
7. Di-benarkan berpenchen sa-lepas 15 tahun perkhidmatan.

### SHARAT KEMASOKAN

1. Raayat Kebawah DYMM dan tergolong kapada salah satu daripada 7 puak jati Melayu: Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.
2. Pemohon yang menjadi Warga Negara Brunei yang tidak tergolong kapada salah satu daripada tujoh puak jati Melayu itu mesti-lah memelok Ugama Islam dan mengamalkan adat resam orang2 Melayu Brunei.
3. Bujang atau kahwin
4. Berbadan sehat
5. Berumor 17½–25 tahun
6. Tinggi tidak kurang daripada 5 kaki 1 inchi
7. Berat badan tidak kurang daripada 105 paun
8. Sa-rendah2-nya Darjah 6 Melayu atau Primary 6 Inggeris. Kelulusan yang lebeh tinggi ada-lah sangat2 di-alu-alukan.

Datang-lah ka-alamat di-bawah untok mendapatkan maklumat lanjut. Dan jika kamu berminat isikan-lah borang yang di-sediakan dan hantarkan kapada:

Pejabat Pengambilan Pasokan
Askar Melayu Diraja Brunei
Bolkiah Kem, Brunei.
Talipon 23531 sambongan 01 atau 02

### TAWARAN BARANG2 MENTAH SEKOLAH UGAMA (ARAB) MENENGAH PEREMPUAN RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK DAMIT DAN SEKOLAH MENENGAH ARAB HASSANAL BOLKIAH — BAGI TAHUN 1980

PERBORONG2 tempatan ada-lah di-pelawa untok membekalkan barang2 mentah bagi keperluan sekolah2 berikut bagi tahun 1980 —

1. Sekolah Ugama (Arab) Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit,

2. Sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiah.

2. Tawaran hendak-lah di-hantar kapada Pengerusi Lembaga Tawaran Brunei di-alamat Pejabat Kewangan Brunei dan hendak-lah di-masokkan dalam sampul surat berdaftar dan hendak-lah hanya di-tulis dengan perkataan "TAWARAN BARANG2 MENTAH SEKOLAH UGAMA (ARAB) MENENGAH PEREMPUAN RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK DAMIT ATAU TAWARAN BARANG2 MENTAH SEKOLAH MENENGAH ARAB HASSANAL BOLKIAH" sahaja tanpa membuboh nama pengirim.

3. Wang chengkeram sa-banyak $100.00 bagi tawaran tersebut hendak-lah di-bayar kapada Bahagian Kewangan Jabatan Hal Ehwal Ugama Bandar Seri Begawan pada bila2 masa waktu pejabat di-buka hingga pada 26hb. September, 1979 jam 3.00 petang.

4. Semua tawaran hendak-lah sampai kapada Pengerusi Lembaga Tawaran Brunei tidak lewat pada 27hb. September, 1979 dan jika ada tawaran yang di-terima lewat dari tarikh yang di-nyatakan itu tidak akan di-layan.

5. Keterangan2 lanjut dan borang2 tawaran boleh-lah di-perolehi daripada Pengetua di-kedua2 buah sekolah tersebut pada bila2 masa waktu pejabat di-buka.

6. Pemborong2 yang berjaya di-jangka akan memulakan perkhidmatan ini mulai 1hb. Januari, 1980 hingga 31hb. Disember, 1980.

7. Kerajaan tidak akan terikat menerima tawaran yang lebeh murah atau sa-umpamanya.

### DEPARTMENT OF 'ADAT ISTIADAT — TENDER NOTICE

TENDERS will be received by the Chairman of the Tender Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, up to 12.00 noon on 1st. October, 1979 for the following: — —

THE SUPPLY AND INSTALLATION OF A PUBLIC ADDRESS SYSTEM FOR THE LAPAU BUILDING

Tenders received after the above date will be rejected. Specification and other information can be obtained from the office of the Superintendent Engineer, Radio Television Brunei, Bandar Seri Begawan, Brunei or The Department of 'Adat Istiadat, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Price quoted must include installation charges. Normal warrenty conditions will be applied.

Tenders must be placed in sealed envelopes and marked: "TENDER FOR THE SUPPLY AND INSTALLATION OF A PUBLIC ADDRESS SYSTEM FOR THE LAPAU BUILDING." and there must be no indication on the cover of the name of the tenderer.

The cover must be addressed to: —

The Chairman,
Tenders Board,
c/o State Financial Officer,
Ground Floor,
Government Office,
Bandar Seri Begawan,
Brunei.

The Government reserves the right to reject the lowest or any tender.

### ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI KERJAYA SA-BAGAI TENTERA BERJALAN KAKI ANGGOTA ANGKATAN LAUT

Nama : ..........

No. Kad Pengenalan : .......... Warna : ..........

Tarikh Lahir : .......... Tempat Lahir : ..........

Alamat : ..........

..........

Nama Warith : .......... Hubongan : ..........

Alamat Warith : ..........

..........

Nama Sekolah : ..........

..........

Tingkatan : ..........

Kelulusan : ..........

..........

Kerjaya yang di-pileh : ..........

No Talipon : ..........

Tanda Tangan : ..........

Tarikh: ..........

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN KEMAJUAN KERJASAMA, BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Kemajuan Kerjasama, Brunei.

1. PENOLONG PEGAWAI KEMAJUAN KERJASAMA :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Chalon2 hendak-lah mempunyai sijil latehan dari Maktab Kerjasama yang di-akui dan telah berkhidmat sa-bagai Penyelia Kanan dalam Jabatan Kemajuan Kerjasama tidak kurang dari tiga tahun. Mereka hendak-lah mempunyai ilmu dan pengalaman yang luas dalam bidang kerjasama dan boleh memberikan bimbingan serta tunjok ajar bagi memajukan sharikat2 kerjasama. Pengalaman praktikal dalam pentadbiran, penyimpanan dan pengoditan kira2 sharikat kerjasama ada-lah perlu.

**Tugas2 :**

Pemegang jawatan ini akan bertanggong-jawab bagi pentadbiran, penyimpanan dan pengoditan kira2 sharikat2 kerjasama yang di-arahkan oleh Pesurohjaya Kemajuan Kerjasama. Ia hendak-lah pandai mengator dan mengawasi kerja2 pegawai2 di-bawah jagaan-nya. Ia juga dikehendaki memberikan bimbingan serta tunjok ajar kapada jawatankuasa serta ahli2 sharikat kerjasama. Dalam menjalankan tugas2-nya ia hendak-lah sanggup dan bersedia melawat sharikat2 di-kampong2 dan kawasan pendalaman di-luar masa pejabat dan pada hari2 kelepasan, jika perlu.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji C. 3-4 EB 5 — $1479-1530-1581-1632-1683-1734 - 1785 - 1836 - 1887 - 1938 / EB / 1989 - 2040 - 2091-2142-2193.

2. PENYELIA KANAN KERJASAMA :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Chalon2 hendak-lah mempunyai ilmu dan pengalaman luas dalam bidang kerjasama, telah lulus dalam pepereksaan Kemajuan Kerjasama dan telah berkhidmat sa-bagai Penyelia dalam Jabatan Kemajuan Kerjasama tidak kurang dari tiga tahun. Pengalaman praktikal dalam pentadbiran, penyimpanan dan pengoditan kira2 sharikat kerjasama ada-lah perlu.

**Tugas2 :**

Pemegang jawatan ini akan bertangong-jawab bagi perkembangan dan kemajuan sharikat2 kerjasama di-satu2 daerah yang di-tentukan oleh Pesurohjaya Kemajuan Kerjasama. Ia hendak-lah pandai mengator serta mengawasi kerja penyelia2 kerjasama di-bawah jagaan-nya. Ia juga di-kehendaki memberikan bimbingan serta tunjok ajar kapada jawatankuasa dan ahli2 sharikat kerjasama. Ia hendak-lah sanggup dan bersedia menjalankan tugas-nya dan hari2 kelepasan, jika perlu.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji C.2 EB.3 — $1071-1109-1148-1186-1224-1275-1326-1377-1428/EB/1479-1530-1581-1632-1683.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 13hb Oktober, 1979.

(E/755/79 — Bil : 141/1979)

## Penyelia Tambatan dan Gudang

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Penyelia Tambatan dan Gudang2, di-Jabatan Pelabohan2, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor tidak kurang dari 30 tahun dan telah tamat dalam pelajaran menengah.
b) Tugas2 utama lantekan ini ia-lah mengurus anggota buroh pelabohan dan pergerakan dan melichinkan perjalanan barang2 muatan melalui pelabohan baharu di-Pelabohan Muara.
c) Kelayakan dalam jawatan pembantu kerja atau bahagian teknikal dalam Lembaga Pelabohan atau pertubohan yang sebanding dengan mempunyai pengalaman yang lengkap dalam perusahan perkapalan dan gerakan2 pengangkutan barang2 muatan dan dokumen2 ada-lah di-kehendaki.
d) Pengetahuan daalm Bahasa Inggeris ada-lah di-kehendaki bagi tugas2 lantekan ini.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 3-4 EB. 5 — $625-657-689-720-752-784-854-880-905-931-956 - 982 - 1007/EB/1046-1071-1097-1122.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 22hb Oktober, 1979.

(E/419/74 — Bil : 145/1979)

## Bahagian Mesin Pejabat

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri daripada ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Perbendaharaan, (Bahagian Mesin Pejabat) Brunei.

1. JURU MESIN TINGKATAN I :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Jawatan ini memerlukan pengalaman yang meluas dalam kerja2 memelihara dan membaiki kerosakan2 mesin2 pejabat. Pengetahuan dalam bidang letronik akan merupakan satu kelebehan.
b) Chalon2 yang berjaya akan juga di-kehendaki supaya mengajar chara2 membaiki kerosakan2 mesin2 pejabat kapada Aperintis2.
c) Chalon2 hendak-lah lulus Darjah V Melayu dan mempunyai sedikit sabanyak pengetahuan dalam Bahasa Inggeris.
d) Chalon2 hendak-lah berumor tidak lebeh dari 40 tahun.
e) Chalon2 bukan sahaja di-kehendaki supaya menjawab soalan2 lisan mengenai dengan chara2 perjalanan jenis2 mesin pejabat yang tertentu tetapi juga akan menjalani ujian amali dalam membaiki kerosakan satu jenis mesin pejabat dalam tempoh yang di-tentukan. Ujian amali itu akan di-adakan di-Bahagian Mesin Pejabat, Jabatan Kewangan Negara.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D.4 EB.5 — $854 - 880-905-931-956-982 - 1007/EB/1046-1071-1097-1122.

2. APERINTIS :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Chalon2 hendak-lah telah lulus Darjah V Melayu dan pengetahuan Bahasa Inggeris akan merupakan satu kelebehan. Mereka hendak-lah berumor di-antara 18 hingga 25 tahun. Mereka hendak-lah mempunyai bakat dalam membaki kerosakan2 mesir pejabat.
b) Pengetahuan asas mengenai dengan chara2 perjalanan mesin2 taip, mesin2 salinan dan mesin kira ada-lah satu kelebehan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 EB. 4 — $357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485 - 497-510-523 /EB/ 536-548-561-574-587-599.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 18hb Oktober, 1979.

(E/753/79 — Bil : 143/1979)

## RBMR 1ST FLOTILLA BASE, MUARA TENDER NOTICE

PROPOSED MISCELLANEOUS ADDITIONS AND ALTERATIONS, PHASE 1A (RIVER SQUADRON COMPLEX, 30 METRE RANGE AND SURAU) FOR THE RBMR 1ST FLOTILLA BASE, MUARA BRUNEI

TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board, Brunei from Registered Public Works Department Contractor Class "A" for the above mentioned works up to 12.00 noon, 25th September, 1979 (Tuesday).

Tender documents consisting of Quantities and 1/8" scale working drawing can be obtained from the office of Ho Kwong Yew dan Anak2 Akitek2, Chartered Architects, 406, Bangunan Guru2 Melayu, Jalan Kianggeh, Bandar Seri Begawan, Brunei.

All other drawings are displaced and can be examined at the said office.

The tender deposit will be Brunei $500.00 in the form of a cheque and refundable to all unsuccessful tenderers upon receipt of a bona fide tender and on return of deposit receipt, tender documents and drawings after the closing date, but forfeited from any tenderer who fails to submit a tender and/or fails to return the Tender Documents to the Architect's office before the closing date.

Prior to the issue of the tender documents each tenderer will be required to produce the original copy of the following:—

1) Documentary evidence that he is a P.W.D. registered class "A" Contractor
2) Documentary evidence that he has complied with the latest Government requirement in respect of Financial Guarantee; and
3) A letter from his Banker stating that in the event of his tender being accepted, the said Banker will furnish him with a Banker's guarantee (in the sum of approximately $1,000,000.00) in accordance with the condition of Contract.

Tenders must be submitted on the Tender Form provided and must reach the office of the Chairman, Tenders Board, Brunei, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 25th September, 1979 (Tuesday). Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope bearing no indication of the name of the Tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR THE PROPOSED MISCELLANEOUS ADDITIONS AND ALTERATIONS, PHASE 1A (RIVER SQUADRON COMPLEX, 30 METRE RANGE AND SURAU) FOR THE RBMR, 1ST FLOTILLA BASE, MUARA, BRUNEI.

Our client, the Government of Brunei, does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Government Office, Bandar Seri Begawan, Brunei from P.W.D. registered Class 'AX' Contractor for :—

THE PROPOSED TWO CLASSROOMS EDUCATION CENTRE, BOLKIAH CAMP, BRUNEI.

2. Tender documents may be obtained from the office of:

Akitek Ibrahim
(akitek berkanun)
201, Perdana Shopping Complex,
Mile 1, Jalan Tutong,
Bandar Seri Begawan,
Brunei

from 11th September, 1979 onwards during normal office hours, upon the payment of the tender deposit of $500.00.

3. Tenders must be submitted in the envelopes provided and must reach the office of :—

The Chairman,
Tenders Board,
Secretariat Building,
Bandar Seri Begawan,
Brunei

not later than 12.00 noon 25th Sept. 1979. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

4. Tenders deposit will be refunded to non-successful tenderers who have submitted bona fide tender and on the return of tender documents in good condition.

5. The Government of Brunei is not bound to accept the lowest or any tender.

## P.W.D. TENDER NOTICES

### No. 147 OF 1979

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 18th September, 1979 for :—

CONSTRUCTION OF ONE ADMINISTRATION BLOCK AND TWO CLASSROOM BLOCKS FOR RELIGIOUS SCHOOL AT KAMPONG SERUSOP, BERAKAS, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 148 OF 1979

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 18th September, 1979 for :—

REPAIR AND REDECORATION OF BALAI BOMBA, P.W.D. No. 23 AND OTHER BUILDINGS AT FIRE STATION, BANGAR, TEMBURONG.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 149 OF 1979

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 25th September, 1979 for :—

THE CONSTRUCTION OF 5 BLOCKS of 2 UNITS CLASS "G" QUARTERS AT RBMR CAMP, TUTONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 150 OF 1979

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 25th September, 1979 for:—

EXTENSION, ALTERATION AND RENOVATION OF HEALTH CLINIC AT KAMPONG LURONG DALAM, KG AYER, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 151 OF 1979

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 25th September, 1979 for :—

SUPPLY OF CRUSHER-RUN STONES TO THE PROPOSED WIDENING TO JALAN PENANJONG FROM JALAN TUTONG TO ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT'S CAMP.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 152 OF 1979

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tender Boards, Brunei up to 12.00 noon on 25th September, 1979 for :—

THE PROPOSED RELIGIOUS SCHOOL AT KAMPONG SERASA, JALAN MUARA, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

## TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received from Class A & B Contractor's by the Chairman of the Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat, Bandar Seri Begawan, Brunei up to noon Tuesday 2nd October, 1979 for :—

ARMY WORK SERIA— PART I SERVICES.

2. Tenders received after this date will be rejected.
3. Tenders shall be placed in a plain sealed envelope. There must be no indication on the cover of the name of the Tenderer.
4. The cover must be addressed to the Chairman of the Tenders Board and endorsed as follows:

ARMY WORK SERIA— PART I SERVICES.

5. Tender Documents may be obtained from the office of Akitek Bersatu, 2nd Floor, 148 Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan from Monday 19th September 1979 during normal working hours.
6. The tender deposit will be $500.00, refundable to all unsuccessful tenderers, on receipt of a bona fide tender.
7. Tenders shall be submitted on the approved form.
8. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## J.K.R. PEMBERITAHUAN TAWARAN
### No. KB 18 1979

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Kontrektor-kontrektor Kelas 'B' sahaja dan keatas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sahingga jam 12 00 tengah hari pada 25hb September, 1979 bagi :—

PROPOSED R.C. DRAIN ALONG JALAN KERMA NEGARA, KUALA BELAIT.

Surat2 keterangan serta butir2 lain boleh di-lihat dan di-dapati di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

## P.W.D. TENDER NOTICE
### No. KB 18 1979

TENDERS will be received from Class 'B' only and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 25th September, 1979 for:—

PROPOSED R.C. DRAIN ALONG JALAN KERMA NEGARA KUALA BELAIT.

Tender documents and all particular may be seen at the Office of P.W.D., Kuala Belait.

## TENDER NOTICE

**ELECTRICAL DEPARTMENT STATE OF BRUNEI REGISTERED ELECTRICAL WIRING CONTRACTORS**

IT is hereby notified to all registered Electrical Contractors that the following amendments shall take place immediately:—

1. **Class 'A' Registered Contractors**
   Unlimited
2. **Class 'B' Registered Contractors**
   Value of works tendered to be increased from $75,000.00 to $200,000.00.
3. **Class 'C' Registered Contractors**
   Value of works tendered to be increased from $10.000.00 to $50,000.00 and to include three phase installations.



DATO Paduka Awg Hj Mohd Ali bin Hj Mohd Daud, Pengawal Imigereshen Brunei telah meninggalkan negeri ini menuju ka-United Kingdom untok memegang jawatan baru-nya sa-bagai Pengapit dan Pembantu Wakil Kerajaan Brunei di-London.

Dato Paduka Awg Hj Mohd Ali telah bertolak pada petang Khamis, 6hb September yang baru lalu dengan di-uchapkan selamat belayar oleh pegawai2 kanan Jabatan Imigereshen dan Pendaftaran Kebangsaan, pegawai2 dan anggota pengakap negeri Brunei serta lain2 pegawai kanan kerajaan dan keluarga beliau.

GAMBAR kelihatan Dato Paduka Awg Hj Mohd Ali (di-tengah pakaian hitam) bergambar ramai berserta lain2 pegawai kanan Jabatan Imigereshen dan Pendaftaran Kebangsaan sa-jurus sa-belum beliau berangkat dari Lapangan Terbang Antarabangsa.

## Perlumbaan di-kalangan raayat

Dari muka 1

buah masing2 supaya keselamatan masharakat kampong akan sentiasa terpelihara dan tidak lalai pada menjunjong titah Baginda untok membisaikan lagi sasuatu usaha yang mendatangkan kebajikan.

Dalam sembah uchapan di-majlis itu juga Awg Hj Yahya berkata, dalam keadaan Brunei yang sebok dengan berbagai aspek pembangunan ketika ini berbagai perlumbaan timbul di-kalangan raayat sama ada di-segi mendapatkan ilmu pengetahuan mahu pun meninggikan penghidupan di-berbagai bidang.

"Apa yang di-harapkan dalam suasana yang menggembirakan itu ia-lah agar rayat dan pendudok yang berkechimpong di-dalamnya tidak akan meninggalkan unsor2 keimanan, kerana hanya dengan kekuatan iman-lah sa-seorang itu tidak akan takulinchir atau tersentoh kapada perkara2 yang memudharatkan mata, hati dan fikiran. Tegas-nya perlumbaan2 itu menchapai kemenangan dalam bentok-nya yang suchi lagi di-redhai oleh Allah" sembah Awg Haji Yahya.

# Dasar Pelajaran Kerajaan lebeh istemewa dari negeri lain

BANDAR SERI BEGAWAN — Awg. Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, Ketua Pegawai Penerangan menekankan bahawa dasar kerajaan dalam bidang pelajaran ada-lah melebehi istemewanya daripada orang lain yang sudah merdeka.

Peluang melanjutkan pelajaran keluar negeri kata-nya, sentiasa terbuka kapada penuntut2 raayat negeri ini asalkan mereka mempunyai kelayakan pelajaran yang di-perlukan dan bukan dari segi latar belakang keluarga untok mendapat keistemewaan.

Beruchap di-upachara penutop rasmi Kursus Sivik Penuntut2 Seberang Laut kali ke-IV yang telah dilangsongkan di-Pusat Belia malam Khamis, 6hb. September yang baru lalu, Awang. Haji Badaruddin menambah kata, dasar dan perlaksanaan dasar biasiswa negeri ini jarang terdapat di-negeri2 lain sahingga raayat negeri ini berjaya menamatkan pengajian dan mendudoki jawatan2 penting dalam kerajaan.

Kata-nya, kerajaan dalam membuat dan melaksanakan dasar sentiasa memperhitongkan kebajikan jangka panjang raayat dan pendudok negeri ini dengan ikhlas bukan kerana sa-suatu muslihat bagi satu2 waktu atau musim.

Ini-lah, tegas Awg Haji Badaruddin, yang beliau tekankan dalam uchapan di-majlis pembukaan rasmi mengenai maksud semangat National Pride atau Kebanggaan Negara dalam kita menempoh masa depan bagi kita mengambil tempat di-dunia antarabangsa.

Awang Haji Badaruddin menambah, sa-masa negara kita yang ketika ini mula di-lihat dan di-minati oleh orang2 di-negara luar, kita akan mudah kehilangan pegangan terutama mudah merasakan apa jua yang ada pada kita rendah mutunya dari yang di-mileki oleh orang lain.

"Dapat saya katakan bahawa oleh kerana orang lain telah merdeka dan kita baru akan merdeka ada di-antara kita yang berfikir dasar kerajaan kita dalam memberikan kesejahteraan kapada raayat dan pendudok jauh rendah mutu-nya daripada apa yang dapat di-chapai oleh orang yang sudah merdeka", kata-nya.

Di-samping menekankan hal kebajikan sa-umpama itu Awg. Haji Badaruddin juga menjelaskan tiga perkara penting yang di-sampaikan di-sa-panjang kursus yang di-harap akan menjadi bahan peserta kursus dalam meneruskan pengajian mereka dan dalam membentok serta mempertegohkan sikap salaku Penuntut Berilmu dan Beriman Pemimpin Hari Esok.

*Manusia sa-bagai peranan-nya khalifah di-bumi perlu mendampingkan diri menurut ajaran dan hukum2 Allah.

*Keselamatan sa-bagai chiri penting bagi sa-sebuah negara dan bagi negara kita buat masa2 akan datang ia-nya lebeh menchabar dan ada-lah di-perlukan untok menchapai kehidupan aman tenteram lagi bermaruah.

*Negeri Brunei sa-panjang perjanjian semenjak tahun 1847 dengan Britain dari segi undang2 ada-lah terus-menerus sa-bagai sabuah negeri yang tidak termasok sa-bagai kategori negara jajahan.

# Tindakan undang2 bagi kereta2 ubahsuai yang tidak di-laporkan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pada ketika ini maseh terdapat pemilek2 kereta yang mengubahsuai kereta2 mereka tanpa kebenaran terlebeh dahulu oleh pehak berkuasa Pengawal Pengangkutan Darat.

Perangkaan2 kemalangan menunjokkan sa-bilangan besar kereta2 yang terlibat di-dalam kemalangan itu mempunyai ubahsuai yang mengikut 'fancy' pemileknya, tanpa menghiraukan keselamatan-nya untok di-pandu.

Antara pengubahsuaian yang di-lakukan itu ia-lah memasang tayar sport, chermin tinted dan lain2.

Ini telah di-tegaskan oleh Pemangku Pengawal Pengangkutan Darat, Awang Omar bin Haji Serudin, ketika menyampaikan taklimat-nya yang pertama sejak memegang jawatan ini masok minggu kedua. baru2 ini, kapada kaki tangan2 jabatan-nya dan telah mengarahkan mereka bagi mengesankan peratoran2 yang di-buat di-bawah Undang2 Kenderaan Jalanraya demi untok memberikan perkhidmatan yang lebeh baik kapada pemandu2 serta mengharapkan agar berkurang-nya kemalangan jalan-raya.

Dalam perkara ini, Pemangku Pengawal itu mengingatkan, kuasa Pegawai2 Melesen menurut undang2 boleh memanggil untok di-pereksa mana2 kereta yang tidak mematohi



Awg Omar bin Hj Serudin

peratoran2 dan kuasa Pegawai Melesen boleh membatalkan dan menolak pembaharuan lesen.

Beliau mengharapkan kerjasama pemilek2 kereta supaya tidak akan mengubahsuai kereta2 mereka tanpa mendapat kebenaran terlebeh dahulu dari Jabatan Kenderaan Darat.

Kata-nya, "Untok kereta2 yang telah di-ubahsuai ada-lah di-nasehatkan supaya memaklumkan kapada Jabatan Kenderaan Darat atau mengubah-nya kapada yang asal sa-belum tindakan undang2 akan di-ambil ka-atas kereta mereka."

### TIADA PEMEREKSAAN KERETA DI-LUAR KAWASAN PEJABAT

Pemangku Pengawal itu mengingatkan kapada Pegawai2 Melesen supaya tidak akan melakukan pemereksaan kereta2 di-luar kawasan Pejabat Kenderaan Darat, kerana pada ketika ini, menurut-nya, Jabatan Kenderaan Darat mempunyai perkakas2 yang menchukopi untok membuat pemereksaan.

Minat sa-bilangan orang ramai, tambah Awg Omar lagi, ingin menyimpan lesen2 kereta lama di-sebabkan oleh beberapa sebab yang tersendiri.

Menurut peratoran yang ada perkara itu tidak-lah salah, tetapi beliau mengingatkan kapada Pegawai2 Melesen bahawa peratoran hanya membenarkan penyimpan numbor2 lesen2 lama bagi kegunaan sa-buah kereta yang belum berdaftar di-negeri ini.

Pemangku Pengawal itu juga mengarahkan Pegawai2 Melesen supaya membatalkan ujian memandu sa-kiranya orang yang di-uji itu tidak membawa dokumen2 yang di-kehendaki saperti insuran dan lain2.

Kehendak ini ada-lah menjaga keselamatan orang ramai sa-kira-nya terjadi apa2 kemalangan yang tidak di-lindongi oleh kereta itu. "Arahan ini ada-lah tidak terkechuali kerana menghindarkan tudohan pileh kaseh", ujar-nya.



## Ikuti kursus Fatwa di-Mesir

AWANG Haji Abd. Aziz bin Juned, Pegawai Ugama Kanan di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei akan mengikuti kursus di-bidang Fatwa bertempat di-Pejabat Mufti Republik Arab Mesir sa-lama kira2 sa-tahun yang akan bermula dalam bulan September ini. Pemergian beliau ada-lah sachara latehan dalam perkhidmatan kerajaan. Beliau berserta keluarga-nya akan bertolak meninggalkan tanah ayer pada 16hb September ini.

Dari muka 1

gai kelulusan, tetapi ia-nya juga di-timbulkan oleh suasana yang amat mengalakkan yang mana Brunei Darussalam sekarang ini sedang and akan terus-menerus menekmati perkhidmatan yang jujor dari raayat-nya sendiri dalam sagenap bidang.

Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama itu perchaya bahawa raayat Brunei yang berilmu dan beriman serta jujor lebeh tahu akan kehendak2 dan tabi'at Brunei Darussalam ini.

Dalam hubongan ini, Yang Berhormat itu yakin yang pembangunan Brunei dalam sa-genap bidang akan terus sambong-bersambong bergerak dan berjalan dengan pesat-nya dengan menuju ka-suatu arah pembentokan masharakat yang kokoh serta bersatu-padu dan makmor yang di-redhai oleh Allah yang di-kendalikan oleh raayat Brunei sendiri dengan penoh tanggong-jawap dan jujor.

Pengetua pegawai Hal-Ehwal Ugama itu menekankan bahawa keadaan2 ini sa-benar-nya ada-lah berkat kebijaksanaan dan pimpinan serta pandangan jauh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kerajaan Baginda dalam menuju kaarah pada memenohi keperluan2 tenaga manusia di-Brunei sendiri yang sedar, berilmu dan beriman kapada Allah dan berpegalaman yang bersedia pula untok memikul tanggong-jawap dan amanah dengan penoh kejujoran sa-mata2 kerana Allah jua.

Sa-lain dari mengalu-alukan kursus itu dan menghargai peserta2 yang menghadhiri-nya, Pengetua Hal-Ehwal Ugama itu juga turut menambah-luaskan pengetahuan2 peserta kursus tentang maksud penuntut yang berilmu dan beriman pemimpin hari esok yang menjadi thema kursus tersebut.

Dengan memetik beberapa riwayat dan juga yang di-sebutkan dalam Al-Kor'an, Yang Berhormat itu juga chuba memberikan keyakinan kapada peserta2 dengan saranan2 pada menyatakan sudut2 yang baik dalam membentok diri sabagai orang2 yang berilmu.

Tegas-nya Yang Berhormat itu menasehatkan supaya peserta2 merujok kapada kata pepatah, jangan mengikut rasmi ayam, bertelor sa-biji rioh sa-kampong, ada baik-nya di-ikut rasmi padi makin berisi makin tundok merendah diri.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.